



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO ' IBRAHIM BIN ISMAIL
MANTAN KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM NEGARA MALAYSIA
2008-2015**

OLEH:

**AHMAD RADHIY BIN HASSAN (2013906771)
WAN NURAINA BINTI WAN MAHMOOD (2012198227)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATO ' IBRAHIM BIN ISMAIL
MANTAN KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM NEGARA MALAYSIA
2008-2015

OLEH:

AHMAD RADHIY BIN HASSAN (2013906771)
WAN NURAINA BINTI WAN MAHMOOD (2012198227)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Alhamdulillah. Pada mulanya kami ingin panjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T Kerana dengan izin-Nya kami telah dapat menyiapkan kerja khursus Sejarah Lisan dengan jayanya. Di kesempatan ini juga kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih khas buat pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa bt Abdullah yang mengajar subjek IMR604-Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan] kerana memberikan pembelajaran yang baru kepada kami dalam menyiapkan tugas yang menarik ini. Beliau telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami bagi memudahkan kami mengetahui lebih lanjut tentang proses sejarah lisan ini dilakukan. Puan Nurulannisa bt Abdullah telah memberi garis panduan yang lengkap kepada kami.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang amat kami kagumi iaitu Dato ' Ibrahim bin Ismail merangkap jawatan sebagai Mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara Malaysia. Kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang proses penyiapan kerja khusus ini amatlah bermakna bagi kami. Kami bersyukur dipertemukan dan dapat menjalankan tugas ini dengan orang sebaik beliau.

Kami juga ingin ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami kerana sudi membantu dan berkongsi ilmu. Akhir sekali, ucapan terima kasih turut diucapkan kepada ibu bapa kami yang sentiasa mendoakan kejayaan kami. Tanpa bantuan semua pihak yang disebutkan, mungkin kami akan menghadapi banyak kesukaran dalam menyiapkan tugas ini. Bidang ini memberi banyak pengetahuan dalam penyelidikan mengenai dokumentasi oral. Kami benar-benar bersyukur kerana boleh menggunakan pengetahuan ini pada masa akan datang .

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-xii
Pengenalan.....	xiii-xvii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-07
Bahagian 2: Kerjaya.....	08-39
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	40-60
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	61-63
Bahagian 5: Aktiviti di Muzium.....	64-65
Bahagian 6: Pendapat dan cadangan.....	66-68
Rujukan.....	69
Lampiran	
Log Wawancara.....	70-73
Diari Kajian.....	74
Senarai soalan.....	75-80
Surat Perjanjian.....	81-83
Gambar.....	84-88
Indeks.....	89-90

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar. Temubual ini dilakukan bersama Mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara Malaysia iaitu Dato' Ibrahim Bin Ismail untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara Malaysia. Temubual ini telah dijalankan di kafe Starbuck, Mid valley Megamall, Bangsar Kuala Lumpur. Tarikh temubual tersebut adalah pada 4 Mei 2015 bermula pada jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Dato' Ibrahim bin Ismail adalah bekas Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dato Ibrahim bin Ismail mula bekerja dengan kerajaan dari 7 September 1973 dan sejak 1 November 1991 mula berkhidmat dengan Jabatan Muzium sehingga dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah yang berkuatkuasa 1 Mac 2008. Tugas Dato' Ibrahim Ismail tidak hanya terhad kepada aspek muzium, tetapi meliputi pelbagai pengurusan sumber pentadbiran, kewangan dan manusia. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Dato' Ibrahim Bin Ismail semasa berkhidmat dengan Jabatan Muzium Malaysia. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: *Dato' Ibrahim Bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara Malaysia, Muzium Malaysia, tarikh temubual, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Dato' Ibrahim bin Ismail
Mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

1. LATAR BELAKANG PERIBADI

Nama	: Dato' Ibrahim bin Ismail
Jawatan	: Bekas Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.
Tarikh perkhidmatan	: 2008/01/03 - 2015/12/04 (8 Tahun).
Tarikh Lahir	:
Umur	: 60 tahun
Asal	: Baling, Kedah
Prinsip	: Agi Hidup, Agi ngelaban.
Hobi	: Membaca buku dan bermain Ping pong
Isteri	: Datin Hafidzah
Anak-anak	: Marsyilla (29), Yasser (28), Muhammad Hasif (21), Muhammad Goral (19) dan Habib (15)

2. KELULUSAN AKADEMIK

TAHUN	KELULUSAN	UNIVERSITI/INSTITUSI
1998	Master sc. Human Resource Development	Universiti Putra Malaysia
1988	International Certificated in Supervision	National Productivity Centre (NPC), PJ
1986	Sarjana Muda Sastera Kepingjian (Geografi/Sosiologi and Antropologi)	Universiti Sains Malaysia

3. ANUGERAH

Tahun	Darjah	Gelaran	Negeri
2011	Sri Indera Mahkota (SIMP)	Dato'	Pahang
2009	Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)	Dato'	Pahang
2003	Ahli Mahkota Kedah (AMK)	Tiada	Kedah

4. PENGLIBATAN DALAM KERJAYA

Tarikh	Keterangan
1 Mac 2008	Dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah (JUSA B) Jabatan Muzium Malaysia
17 Disember 2007	Diarah oleh KSU Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWA) untuk menjalankan tugas Ketua Pengarah (JUSA B) Jabatan Muzium Malaysia disamping menjalankan tugas-tugas hakiki sebagai Timbalan Ketua Pengarah (JUSA C)
3 Ogos 2007	Dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (JUSA C) Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
26 September 2002	Dinaikkan pangkat ke curator Gred 554 (mengetuai Program Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat, JMM)
1 Ogos 2000	Dinaikkan pangkat ke Kurator Gred 52 mengetuai Bahagian Pengurusan, JMM
1 Julai 1996	Bertukar dari Muzium Perak bagi mengetuai Bahagian khidmat Sokongan Jabatan Muzium dan Antikuiti (Kurator 53)
1 Julai 1993	Kurator (Pengarah) Muzium Perak, Taiping (Kurator 53)
19 Januari 1993	Dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ke jawatan Kurator 53 dan ditugaskan sebagai Ketua Unit Penguatkuasa Jabatan Muzium dan

	Antikuiti
1 November 1991	Ditukarkan dari Asean Institusi of Forest Management jawatan tambah Sentara, JPA ke Muzium Negara sebagai Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan
1 September 1990	Dinaikkan pangkat dan Pegawai Eksekutif Tingkatan Biasa ke Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan
1 September 1987	Dipinjamkan oleh Kerajaan Malaysia ke Asean Institute of Forest Management (Sebuah Badan Antarabangsa kerjasama ASEAN dan kerajaan Kanada) mulai 1 September 1987 hingga 31 Oktober 1991 sebagai Executive Officer dan kemudiannya sebagai Senior Executive Officer
5 Jun 1981	Dilantik sebagai Pegawai Kerja Am oleh SPA dan ditempatkan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur (Cawangan Ukur Bahan)
2 Jun 1975	Dilantik sebagai Pegawai Kerani (Kewangan dan Pelaburan) Tingkatan Biasa di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)
7 September 1973	Dilantik sebagai Pegawai Luar Sementara, Jabatan Perangkaan Malaysia dan ditempatkan bertugas di Jabatan Perangkaan Malaysia Pulau Pinang dan kemudian di Kuala Lumpur mulai 7 September 1973 hingga 31 Mei 1975.

5. Portfolio lain yang dilaksanakan oleh Dato' Ibrahim bin Ismail

1. Ahli Lembaga Pengarah semua Muzium Negeri di Semenanjung Malaysia
2. Member Regional Centre for Archaeology and Fine Arts (SEAMEO-SPAFA)
3. Presiden International Council of Museums (ICOM) Malaysia.
4. Yang Di-Pertua Persatuan Muzium Malaysia
5. Penasihat Permuziuman kepada kerajaan-kerajaan Persekutuan atau Negeri
6. Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan bagi Majlis Rumah Terbuka Peringkat Kebangsaan;
 - Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri
 - Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru China
 - Majlis Rumah Terbuka Deepavali
 - Majlis Rumah Terbuka Krismas
 - Majlis Rumah Terbuka Gawai Dayak
 - Majlis Rumah Terbuka Tadau Keamatan
7. Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia.
8. Ahli Majlis Dakwah Negara Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
9. Ahli Majlis Penasihat Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris
10. Penaung Persatuan Kebajikan, Rekreasi dan Sosial JMM (WARIS)
11. Penasihat Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Peringkat Jabatan
12. Penceramah jemputan Kementerian-kementerian atau Jabatan bagi tajuk kepimpinan, motivasi, pengurusan masa dan budi bahasa.
13. Yang Di-Pertua PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Indah, Seri Kembangan, Selangor sejak 2011 hingga kini
14. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid Riadhus Solihin, Serdang Jaya, Selangor.
- 15.

PENGENALAN

PENGENALAN



Jabatan Muzium Malaysia merupakan peneraju aktiviti permuziuman di Malaysia dan pendokong terhadap pemuliharaan dan pengekalan warisan koleksi khazanah negara. Pembinaannya yang mewakili identiti nasional merupakan kemuncak kepada sejarah pembinaan muzium-muzium terawal di negara ini seperti Muzium Taiping, Perak (1883), Muzium Sarawak (1888) dan Muzium Selangor (1889). Didirikan di atas tapak Muzium Selangor yang musnah pada Mac 1945 akibat Perang Dunia ke 2, idea pembinaannya telah dirancang pada 1957 selepas kemerdekaan negara ini dan diumumkan pembinaannya pada 1959. Melalui inspirasi yang berlatarbelakang identiti negara, rekabentuk yang dipersetujui oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama telah membolehkan pembinaannya menjadi realiti pada 1961.

Akhirnya bangunan Muzium Negara berdiri megah dan dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-III pada 31 Ogos 1963, iaitu enam tahun selepas kemerdekaan negara ini. Terdapat banyak fungsi dan tanggungjawab Jabatan Muzium Malaysia antaranya adalah Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara. Jabatan Muzium Malaysia juga mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta. Selain itu, mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan. Akhir sekali, memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

MENGENAI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Visi

Menjadi institusi permuziuman unggul di Asia

Misi

1. Mengumpul dan memelihara koleksi artifak yang signifikan
2. Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan
4. Menjadi destinasi utama pelancong

Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemeliharaan dan pekekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium

Halatuju

1. Mengemaskini dan melengkapkan data-data koleksi sedia ada.
2. Menyediakan repositori dan makmal konservasi yang serba lengkap.
3. Menghasilkan penyelidikan berwibawa.
4. Menyediakan modal insan terlatih didalam bidang permuziuman.
5. Menyediakan pameran menarik.
6. Menjadi institusi permuziuman yang unggul.

Perkhidmatan Teras

1. Pengurusan Koleksi
2. Penyelidikan

SEJARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Bil.	Tarikh	Peristiwa
1.	1883	Aktiviti muzium bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping.
2.	1888	Penubuhan Muzium Sarawak di Kuching oleh Sir Charles Brooke II.
3.	1907	Penubuhan Muzium Selangor.
4.	1910	Pengurusan Muzium Selangor & Muzium Perak disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
5.	10 Mac 1945	Kemusnahan sebahagian bangunan Muzium Selangor akibat daripada terkena bom Tentera Udara Berikat.
6.	16 September 1958	Pelantikan arkitek untuk mereka bentuk bangunan khas di atas tapak bekas bangunan Muzium Selangor.
7.	2 Januari 1962	Syarikat Yew Lee dilantik untuk mula membina bangunan Muzium Negara atas tapak bekas Muzium Selangor.
8.	31 Ogos 1963	Perasmian pembukaan Muzium oleh DYMM YDP Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.
9.	1978	Jabatan Muzium dipindahkan seketika dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.
10.	1987	Jabatan Muzium dipindahkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang kemudiannya ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan pada 1992 nama kementerian ini ditukar sekali lagi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Bil.	Tarikh	Peristiwa
11.	11 Mac 1993	Penubuhan Jabatan Muzium dan Antikuiti secara rasmi.
12.	1 Mac 2006	Jabatan Muzium dan Antikuiti telah ditukarkan kepada Jabatan Muzium Malaysia

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang wawancara sejarah lisan bersama Dato' Ibrahim Bin Ismail berkaitan penglibatan beliau dari awal tahun 1 Mac 2008 hingga 12 April 2015. Beliau telah memegang jawatan tertinggi dalam Institusi Muzium Negara iaitu Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Wawancara ini dijalankan di kafe Starbuck, Mid valley Megamall, Bangsar Kuala Lumpur iaitu pada jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Kami telah memilih Dato ' Ibrahim Bin Ismail berdasarkan kisah hidup dan sumbangan yang telah banyak berjasa kepada Negara Malaysia. Penglibatan beliau sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah memberi impak yang baru bagi menaikkan imej institusi muzium di Malaysia. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Wan Nuraina Binti Wan Mahmood dan dibantu oleh Ahmad Radhiy Hassan . Berikut adalah hasil rakaman yang telah siap dilakukan. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

DII : Dato ' Ibrahim Bin Ismail
WNA: Wan Nuraina Binti Wan Mahmood
ARH : Ahmad Radhiy Hassan

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

Kaset 1: Bahagian A

WNA : Assalamualaikum Dato.

DII : Waalaikumussalam warahmatullahi waabarakatuh.

WNA : Saya Wan Nuraina Bt Wan Mahmood dan ini rakan sekelas saya. Kami datang untuk menemubual Dato untuk menyiapkan tugas tentang kerja khursus kami.

DII : Sila.

WNA : Boleh kami tahu apakah nama sebenar Dato?

DII : Nama saya Ibrahim Bin Ismail. Masa kecil ibu dan keluarga ada juga memanggil saya dengan nama Mazli, (M-A-Z-L-I) yang ini tidak ramai yang tahu. Ini di kalangan ibubapa saya sendiri sahaja yang tahu nama ini yang lain tidak tahu.

WNA : Berapa umur Dato sekarang?

DII : Sekarang telah pun capai *enam puluh* [60] tahun.

WNA : Bilakah tarikh lahir Dato?

DII : Saya dilahirkan pada *dua belas hari bulan april tahun Sembilan belas lima puluh lima* [12 April 1955].

WNA : Dimana Dato dilahirkan?

DII : Dilahirkan di Kulim, Kedah.

WNA : Dato dibesarkan di Kulim juga ke?

DII : Saya dibesarkan di banyak tempat, dilahirkan di Kulim Kedah, tempat sebenarnya dikenali sebagai Ladang Pelam dan ia kalau ikutkan dari segi daerahnya adalah dalam daerah Baling. Tapi, ianya adalah bersempadan Baling dengan Kulim. Jadi saya ini lebih dekat dengan Kulim. Saya lebih selesa lagi apabila orang bertanya dengan saya, saya katakan *lahir* [dilahirkan] di Kulim Kedah dan soal tadi tentang dibesarkan. Jadi setelah itu saya mula pendidikan awal bukan ditempat lahir saya. Tapi saya dibesarkan dipajak Song Kepala Batas diperingkat persekolahan. Jadi sebelum itu saya memang tinggal bersama *mak* [ibu] dan bapa saya sendiri di Ladang Pelam tempat lahir saya. Masa sekolah daripada darjah *satu* [1] sampailah darjah *empat* [4] di Kepala Batas, Seberang Perai.

WNA : Adakah di Pulau Pinang?

DII : Ya, Kepala Batas, Seberang Perai dan apabila saya masuk ke darjah *lima* [5], darjah *enam* [6] saya balik semula tinggal bersama dengan ibu bapa saya dan bersekolah di sekolah Kebangsaan Labu Besar, Kulim Kedah iaitu diperingkat awal. Kemudian, dalam konteks soalan tadi dibesarkan itu tadi terus saya mendapat

pendidikan menengah daripada tingkatan *satu* [1] sehingga tingkatan *tiga* [3] di sekolah menengah kebangsaan Kepala Batas ,Seberang Perai.Jadi masa saya bersekolah darjah *satu* [1] sampai darjah *empat* [4] *tu* [itu] saya tinggal bersama bapa saudara saya seorang bekas pesara guru.Kemudian, apabila saya kembali semula untuk bersekolah Menengah tingkatan *satu* [1] sampai tingkatan *tiga* [3] di Kepala Batas itu pun *duduk* [tinggal] bersama beliau juga cuma rumah berbeza pada sekolah rendah itu saya *duduk* [tinggal] di Pajak Song Kepala Batas dan kemudian di sekolah menengah tu saya *duduk* [tinggal] di Taman Bahagia Kepala Batas. Kemudian, setelah saya tamat persekolahan di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau Lower Certificated of Education. Tamat sahaja kemudian saya masuk ke tingkatan *empat* [4]. Jadi bapa saudara saya itu meninggal dunia jadinya, saya kemudian diambil oleh seorang lagi bapa saudara, jadi dibawa ke Jalan Siram Kepala Batas Butterworth berlakulah pertukaran sekolah dari sekolah menengah Kepala Batas bertukar ke sekolah Dato Onn Butterworth. Jadi itu untuk tingkatan *empat* [4] dan tingkatan *lima* [5].Tadi itu yang bapa saudara yang mula-mula *tu* [itu] Haji Ismail Othman.Bapa saudara yang kedua ini adalah Haji Hassan Saad.Jadi kedua-dua bapa saudara saya ini berperanan dalam konteks pendidikan saya di sekolah menengah. Disamping, ibubapa saya sendiri ketika saya bersekolah darjah *lima* [5] dan *enam* [6] itu sahaja dalam konteks persekolahan.

WNA : Seterusnya apakah jawatan Dato bersama jabatan muzium Malaysia?

DII : Jabatan muzium Malaysia ini saya mula masuk bekerja dengan Jabatan Muzium Malaysia mulai tahun *Sembilan belas Sembilan puluh satu* [1991] bulan November. Sebelum itu saya pernah bekerja di jabatan-jabatan lain. Kalau itu soalan hendak di tanya kepada saya boleh ditanya nanti. Saya bukan mula bekerja kerajaan di Muzium. Saya mula bekerja dengan kerajaan sejak tahun *Sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] lagi. Lepas saya tamat *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM], saya telah pun bekerja menjual barangan. Termasuklah menjual kain batik dan bahan-bahan kosmetik untuk kegunaan wanita jadi itu adalah sementara saya menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Saya pernah juga bekerja di kilang membuat tin, bekas menyimpan makanan, bekas menyimpan minyak masak, ini untuk tempoh sebelum saya mendapat keputusan peperiksaan. Kemudian, setelah saya mendapat keputusan peperiksaan, saya mula menceburi dengan Jabatan Perangkaan Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Statistic Department* [Jabatan satistik]. Itu adalah satu sejarah kepada hidup saya, saya mula bekerja dengan kerajaan Malaysia mulai *tujuh September tahun Sembilan belas tujuh puluh tiga* [7/9/1973] jadi soal masuk bekerja dengan muzium ini, ini dah soal berapa tahun kemudian bayangkan pada tahun *Sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] tu [itu] saya sudah mula bekerja. Saya hanya mula bekerja dengan muzium pada tahun *Sembilan belas sembilan puluh satu* [1991]. Itulah jawatannya tidaklah dalam bidang permuziuman, dalam konteks pentadbiran sebagai pegawai Eksekutif Kanan menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran,

jabatan pengurusan personal atau sumber manusia dan pengurusan kewangan jabatan dan yang berhubung kait dengannya cuma pada tahun *Sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993]. Saya menceburi bidang pengmuziuman apabila saya menjawat dan terpilih untuk menjawat jawatan kuarator. Kami dalam bidang permuziuman jawatan diperingkat pengurusan dan profesional jawatannya kuarator cuma grednya berbeza daripada *satu* [1] peringkat hinggalah ke peringkat yang paling tinggi sekali iaitu peringkat Ketua Pengarah. Saya menjawat jawatan Ketua Pengarah tetapi saya adalah kuarator gelaran jawatan adalah Ketua Pengarah tetapi grednya berbeza peringkat awal itu adalah gred untuk pekerja yang baru masuk bekerja. Mula saya bekerja dengan Jabatan Perangkaan saya menggunakan kelayakan masa saya bekerja adalah kelayakan diperingkat *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM]. Kemudian, setelah saya bekerja di *perangkaan* [Jabatan Perangkaan] jawatan adalah jawatan sementara. Pada mula bekerja di Pulau Pinang di Jabatan Perangkaan Pulau Pinang kemudian pada tahun *dua ribu empat* [2004] awal tahun saya bertukar ke Kuala Lumpur. Setelah itu saya memohon jawatan tetap, *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur *tak* [tidak] boleh jawatan sementara sahaja. Jadi kita dalam keadaaaa yang tidak tenteram, tidak tenang dan sebagainya. Maklumlah jawatan–jawatan sementara, kita boleh diberhentikan pada bila-bila masa sahaja. Jadi setelah itu saya memohon jawatan tetap. Alhamdulillah, pada tahun *Sembilan belas tujuh puluh lima* [1975] saya mendapat jawatan tetap di Lembaga Tabung Angkatan Tentera itu sebagai *Pegawai Kerani* [Pegawai Kerani Akaun dan Pelaburan]. Semasa saya di Tabung Tentera itu, saya mula belajar

sendiri. Secara sendiri untuk mengambil Sijil Tinggi Pelajaran ataupun Higher School Certificate. Jadi kaedah pembelajaran saya belajar secara sendiri dan belajar secara berkumpulan. Kami ada kumpulan perbincangan kemudian saya jugak bersama-sama pelajar-pelajar *Private School* [sekolah swasta]. Ya, *Private School* [sekolah swasta] atau pelajar-pelajar sekolah swasta ini mengadakan perbincangan. Saya bersama dengan yang pelajar sepenuh masa *ni* [ini] mengikuti *group* [kumpulan] perbincangan dengan mereka. Mereka belajar sepenuh masa, saya *sendiri* [belajar sendiri] ada tempat yang kami tetapkan untuk perbincangan itu diadakan. Jadi Alhamdulillah, saya kemudiannya telah berjaya mendapat *Sijil Tinggi Pelajaran* [Sijil Tinggi Persekolahan] ataupun Higher School Certificated. Jadi dalam masa yang sama juga saya, saya mengikuti diploma secara sambilan dalam *Perakaunan* [Accountancy] di UITM, UITM Jalan Osman Petaling Jaya. Program-program luar kampus ataupun Off Kampus program UITM [Universiti Teknologi Mara] pada masa itu dibuat di Jalan Osman. Program yang popular ketika itu adalah *secretaryship* [setiausaha], untuk juru teringkas untuk menjadi *secretary* [setiusaha]. Disamping itu, ada ditawarkan diploma in *accountancy* [perakaunan], *diploma in Public Admin* [diploma dalam pentadbiran awam] dan satu lagi *diploma in business studiess* [diploma dalam pengajian perniagaan]. Jadi saya mengikuti diploma *accountancy* [perakaunan]. Namun begitu, setelah saya mendapat kelayakan *accountancy* [perakaunan]. Saya berkeelayakan untuk memohon masuk pengajian diperingkat Ijazah.

TAMAT KASET 1 BAHAGIAN A

BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH

Kaset 1: Bahagian B

WNA : Ohh, keperingkat Ijazah.

DII : Pilihan pertama dalam konteks nak [hendak] mengikuti Pengajian ijazah ini adalah undang-undang. Sebab saya *pun* [juga] ada kawan yang bekerja dengan polis iaitu *inspector* [pegawai] polis. Salah seorang kawan saya dia minat dengan undang-undang. Jadi setelah kami *bincang* [berbincang] jadi kami sama-sama memohon untuk mengikuti pengajian undang-undang di universiti Malaya sebagai pilihan yang pertama. Selanjutnya dalam bidang ilmu kemanusiaan dan sebagainya. Jadi itu yang saya mohon di USM [university sains Malaysia]. Akhirnya saya ditawarkan untuk mengikuti pengajian sepenuh masa di *Universiti Sains Malaysia* [USM] tetapi pada masa itu saya pun telah membawa ibu saya, yang sebelumnya tinggal di Pulau Pinang untuk duduk [tinggal] bersama saya di Kuala Lumpur. *Kalau* [jikalau] saya memilih untuk mengikuti pengajian sepenuh masa diperingkat ijazah bermakna saya akan menyukarkan kehidupan ibu saya dan juga adik saya. Saya *kena* [perlu] buat pilihan dengan bijak. Mana yang saya *nak* [hendak pilih], *nak* [hendak pilih] ibu saya ataupun saya *nak* [hendak pilih] dapat ijazah. Meninggalkan ibu saya yang bergantung harap kepada saya. Memandangkan dalam satu keadaan kawan-kawan saya memang memberi galakan dorongan kepada saya untuk mengikuti pengajian diperingkat ijazah undang-undang di USM [Universiti Sains Malaysia] sebab pada masa berkenaan memang

kemasukan ke universiti ini adalah yang boleh kita sifatkan sebagai satu yang orang sebut *tuah* [bernasib baik]. Satu *tuah* [bernasib baik], kalau tolak maknanya tolak *tuah* [naib baik]. Namun begitu, atas sebab saya memikirkan keperluan untuk saya menjaga, memelihara ibu saya jadi saya telah memilih untuk menolak. Saya menolak tawaran untuk belajar sepenuh masa dan dalam masa yang sama saya fikirkan jika ada kehendak saya boleh belajar secara *part time* [separuh masa] ataupun jarak jauh, program jarak jauh, sebab kebetulan USM [Universiti Sains Malaysia] juga mengadakan *program distance learning* [pengajian jarak jauh] ataupun jarak jauh. Jadi dalam masa yang sama juga saya perlu nyatakan bahawa bapa saya juga telah meninggal dunia apabila mak saya dibawa ke Kuala Lumpur. Bapa saya sudah tidak ada lagi. Jadi memang saya yang bertanggungjawab terhadap ibu dan dua orang adik saya. Alhamdulillah, pada tahun berikutnya iaitu pada tahun *lapan puluh satu* [1981] saya memulakan pengajian di USM [Universiti Sains Malaysia] secara pengajian jarak jauh di USM [Universiti Sains Malaysia] ataupun *off campus studies* [pengajian luar kampus]. Jadi pada masa itu program selama *empat* [4] tahun, setahun belajar sepenuh masa didalam. Jadi Alhamdulillah, dengan perancangan yang teliti yang saya buat untuk belajar sendiri *cara* [secara] sistematik jadi syukur pada tahun *Sembilan belas lapan puluh enam* [1986] saya mendapat ijazah ilmu kemanusiaan daripada USM [Universiti Sains Malaysia] dengan terpaksa berkorban setahun tanpa gaji pergi belajar. Pada masa itu *takda* [tiada] gaji sebab kita bercuti tanpa gaji. Tidak ada gaji, jadi itu boleh saya sifatkan sebagai satu dugaan dan juga cabaran kepada saya ketika itu

yang telah berkeluarga, telah *punya* [mempunyai] isteri dan anak. Jadi saya pergi belajar dan akhirnya saya telah berjaya mendapat ijazah yang berkenaan. Saya telah mendapat kelayakan akademik yang lebih tinggi lagi iaitu Sijil Tinggi Pelajaran. Saya memohon jawatan lebih tinggi sepadan dengan kelayakan pada masa itu dengan kerajaan. Terdapat pegawai yang disebutkan kumpulan B. Kalau pegawai yang kumpulan A itu ialah pegawai yang memerlukan kelayakan ijazah untuk menyandang jawatan berkenaan. Jadi untuk kumpulan B ini seperti Pegawai Eksekutif, Penolong Pegawai Siasatan, Penolong Pegawai Penyelidik dan sebagainya. Alhamdulillah, saya mendapat jawatan Pegawai Eksekutif ataupun disebut Pegawai Kerja pada masa itu dan ianya adalah dibawah kelolaan ataupun dibawah pengurusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi kami boleh dihantar bekerja *mana-mana* [dimana-mana] jabatan sekalipun. Jadi setelah saya terpilih menjawat jawatan Pegawai Eksekutif itu saya dihantar untuk bekerja di Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya dibawah cawangan ukur bahan. Jadi itu sejarahnya mendapat jawatan kumpulan B. Bekerja di Jabatan Kerjaraya cawangan ukur bahan jadi, disitu saya mengendalikan kerja-kerja yang bersabit dengan hal pentadbiran. Hal berkaitan sumber manusia, hal kewangan dan yang ada hubungan dengannya. Jadi apabila saya pergi mengikuti pengajian sepenuh masa, saya *ambil* [menggambil] cuti saya tinggalkan *JKR* [Jabatan Kerja Raya] itu. Setelah saya habis belajar di USM tempat [tempat kerja] yang saya tinggal itu masih kosong lagi. Jabatan perkhidmatan awam merujuk balik kepada kekosongan itu dan menawarkan kepada saya untuk bekerja di tempat yang sama juga. Jadi tempat

yang berkenaan memanglah saya *suka* [gembira]. Saya pernah bekerja disitu, jadi saya memberikan yang terbaik kepada mereka. Pada masa itu, pengarah cawangan memang mengalu-alukan kepulangan saya untuk bekerja semula disitu. Jadi saya balik bekerja disitu semula atas jawatan yang sama iaitu Pegawai Eksekutif. Dengan ada kelayakan lebih tinggi iaitu kelayakan ijazah saya melihat peluang lain untuk mendapat jawatan yang setimpal dengan ijazah dan juga gaji. Saya ada ditawarkan untuk dipinjamkan kepada kerajaan disebuah badan antarabangsa iaitu Asian Instituted Forest Management atau bahasa melayu Institut pengurusan hutan Asia. Jadi ini adalah sebuah badan antarabangsa yang menguruskan *hal-hal* [perkara-perkara] yang bersabit perhutanan Asia. Disifatkan sebagai satu projek yang besar bersama kerajaan *Canada* [kanada] .Jadi saya terpilih untuk pergi kesitu untuk mengetuai bahagian pentadbiran di Asian Forest Management. Jadi disitu sebagai pinjaman sebab ini bukan badan kerajaan. Pada mulanya selama *dua* [2] tahun dan disambungkan lagi *dua* [2] tahun dan kemudian dan dilanjutkan sedikit lagi. Ditempat berkenaan saya *dapat* [memperolehi] kenaikan pangkat dalam jawatan Pegawai Eksekutif Kanan, tapi masih lagi dalam kumpulan B dan setelah tempoh saya pun melebihi *empat* [4] tahun di *institute* [institusi] perhutanan Asia itu kenaikan pangkat memerlukan saya *bertukar* [berpindah]. Itu *lah* [adalah] jawatan biasa sedangkan saya telah dinaikkan pangkat. Jadi JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] perlu menukarkan saya yang *ada* [mempunyai] gred berkenaan selaras dengan kenaikan pangkat itu. Jadi pada mulanya saya mendengar khabar saya *nak* [hendak] ditukarkan ke Istana Negara kerana *ada*

[terdapat] jawatan yang selaras dengan gred saya *naik* [dinaikkan] pangkat. Namun begitu, kemudian saya telah ditukarkan ke Muzium Negara pada masa itu dipanggil Muzium Negara, kemudian dipanggil Jabatan muzium Malaysia. Itu sejarahnya, berlaku dalam tahun *Sembilan belas Sembilan puluh satu* [1991]. Jadi bertukarlah saya ke Muzium Negara yang dikenali sebagai Muzium negara pada masa itu. Menjawat jawatan sebagai Pegawai Eksekutif Kanan. Kemudian, [batuk] selanjutnya pada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh tiga* [1993] itu saya menjawat jawatan kuarator. Jawatan ini juga saya mula dari bawah, kalau *cakap* [bercakap] tentang kuarator ia dari peringkat gred permulaan iaitu kelayakan ijazah. Pada mulanya saya masuk sebagai pegawai eksekutif kanan atau pegawai tadbir dalam erti kata lain, saya sebenarnya diberi galakan oleh Ketua Pengarah muzium pada masa itu iaitu Tuan Haji Mohamad Zulkifli Abdul Aziz. Beliau adalah Ketua Pengarah muzium pada masa itu. Setelah beliau telah ketahu saya telah mempunyai ijazah jadi beliau memberi cadangan dan sokongan kepada saya untuk memohon jawatan kuarator. Kebetulan *ada* [terdapat] kekosongan jawatan kuarator pada tahun berkenaan. Jadi atas galakan beliau, saya pun memohon jawatan kuarator. Alhamdulillah, saya *dapat* [mendapat] jawatan kuarator. Setelah ditemuduga oleh jawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bukan oleh muzium, oleh jawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya terpilih, jadi adalah sejarah saya menceburi bidang permuziuman yang sebenar sebagai kuarator. Jadi mulanya setelah *diambil* [mengambil] kira pengalaman saya sebelum ini dalam pentadbiran dan sebagainya. Ketua Pengarah pada masa itu telah memberi tugas kepada saya

sebagai ketua unit Penguatkuasa Jabatan Muzium Malaysia yang bertanggungjawab berkaitan *hal-hal* [perkara-perkara] mengeluarkan lesen-lesen peniagaan antik dan lesen berniaga benda purba. Kemudian kita juga mengeluarkan lesen pihak-pihak yang *nak* [hendak] mengeksport benda-benda purba, ada [terdapat] benda purba yang *nak* [hendak] dibawa keluar jadi *nak* [hendak] bawa keluar kena [perlu] *ada* [mempunyai] permit yang sah. Biasanya melalui lapangan terbang. Jadi itu juga *tugas* [tanggungjawab] saya pada masa itu. Disamping itu, kita juga mengeluarkan permit untuk membuat cari gali arkeologi *tak* [tidak] kira dimana. Sesiapa yang *nak* [hendak] buat cari gali arkeologi dia *kena* [hendaklah] *dapat* [mendapatkan] permit daripada Jabatan Muzium.

WNA : Siapakah yang boleh mendapatkan permit itu pelajar atau orang awam?

DII : Mereka yang ada kepakaran dalam bidang arkeologi. Kalau tidak kita *tak* [tidak] bagi *semerono* [sebarangan] orang boleh pergi *buat* [melakukan] kerja-kerja *konservasi* [penyelidikan] istilahnya sekarang *konservasi* [penyelidikan] arkeologi. Kita *tak* [tidak] boleh *keluar* [keluarkan] kepada sesiapa dengan *semerono* [sebarangan] dia mestilah ada kepakaran dalam bidang arkeologi. Mereka perlu memohon untuk membuat eksolosi, eksologi ditempat-tempat yang wajar *bagi* [diberikan] lesen untuk buat *konservasi* [penyelidikan]. Disamping itu, tanggungjawab saya pada masa itu ialah dari segi pemeliharaan bangunan-bangunan bersejarah, melindungi dengan tujuan memelihara pengekalan

bangunan-bangunan lama. Bangunan-bangunan bersejarah yang ada dalam negara bukan sahaja di Kuala Lumpur malahan dimana-mana sahaja. Jadi ini melibatkan penguatkuasaan ketua unit penguatkuasa. Jadi kita memeriksa bangunan-bangunan bersejarah tapak arkeologi, tapak-tapak sejarah, untuk kita memastikan tempat-tempat berkenaan itu dalam keadaan *terjaga* [terpelihara]. Itu penting sebab ini khazanah, sudah tentulah sesuatu yang seronok kepada saya menceburi bidang itu. *Satu* [1] yang spesifik dan saya juga lebih memahami undang-undang muzium. Undang-undang muzium pada masa itu adalah benda purba Akta *satu enam lapan* [168] *Sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] yang memberi kuasa pada Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai melaksanakan tugas itu untuk menjaga *apa-apa* [perkara-perkara] yang saya nyatakan tadi. Jadi seronok kerana bukan sahaja kerja di Kuala Lumpur tetapi satu Malaysia.

WNA : **Sebab perlu pergi ke semua tempat khazanah kan?**

DII : Kelantan *ada* [terdapat] contohnya, Masjid Kampung Laut sebagai bangunan lama kita *kena* [perlu] pelihara, periksa, *kena* [perlu] pergi tengok keadaan bangunan *tu* [itu], tentang perkara yang perlu dibuat. Kalau tapak-tapak sejarah macam di Perak contohnya, *ada* [terdapat] banyak tapak-tapak sejarah jadi kita kena pastikan bukan di Perak sahaja, malah dinegeri-negeri lain *pun* [juga] ada juga kecuali di Sabah dan Sarawak. Mereka *ada* [mempunyai] Jabatan Muzium Sabah dan Jabatan Muzium Sarawak iaitu dibawah kendalian negeri berkenaan sendiri. Pada tahun

yang sama juga pada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh tiga* [1993] tak [tidak] sampai setahun memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Unit Penguatkuasaan saya telah diberi tawaran tetapi kemudiannya diarahkan untuk menjawat jawatan kuarator Muzium Perak di Taiping, muzium tertua ataupun Pengarah. Kuarator tetapi skimnya Pengarah. Jadi saya pergi mengetuai muzium Perak Taiping iaitu muzium terawal di negara kita. Jadi ini sesuatu yang sangat spesifikasi. Saya baru lagi kerja kuarator, kemudian diberi peluang, tanggungjawab dan diberikan kepercayaan untuk menerajui satu muzium iaitu muzium pertama di negara kita ini. Satu yang menyeronokkan juga kerana memang kalau kita ikutkan dari segi cabaran memang sangat besar kerana kita baru sahaja menjawat jawatan kuarator. Jadi saya dengan senang hati pergi walaupun anak-anak saya *ada* [masih] bersekolah. Saya pergi *dulu* [dahulu], mereka datang kemudian.

WNA : Dato berpindah dahulu?

DII : Saya berpindah *dulu* [dahulu], isteri saya *pun* [juga] bekerja jadi datang kemudian. Jadi saya tidak memikirkan *hal* [perkara] yang menjadi masalah kepada keluarga dalam urusan itu. Saya fikir ialah khidmat untuk muzium dan kepada negara. Itu yang lebih utama lagi, soal urusan peribadi, kita pandailah selesaikan sendiri. *Tak* [tidak] *payah* [perlu] kita *tanya* [bertanya] dengan KP [Ketua Pengarah]. Kita yang *minta* [memohon] *kerjakan* [pekerjaan] itu. Itu prinsip saya juga soal kerja, berbalik soal jawatan itu tadi, *bila* [apabila] saya menjawat jawatan Ketua

Pengarah. Itu yang saya cerita balik dari awal tadi tentang jawatan-jawatan yang saya sandang. Jadi *nak* [hendak] naik Ketua Pengarah, bukan terus kerja muzium dan jadi ketua pengarah. Tidak, kami dalam konteks permuziuman ini kerja dari peringkat awal kuarator. Kemudian memang saya tadi pergi ke muzium Perak. Kemudian ditukar balik ke Kuala Lumpur pada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh enam* [1996]. Kemudian dinaikkan pangkat menjadi pengarah pengurusan, pengarah pengurusan pembangunan sumber maklumat, *naik* [dinaikkan] pangkat lagi sebagai timbalan ketua pengarah. Kemudiannya dengan izin Allah SWT juga saya mendapat kedudukan tertinggi sekali dalam institusi permuziuman untuk jadi ketua pengarah. Dengan izin Allah jua [juga] saya sudah ditentukan untuk menjadi Ketua Pengarah melalui *satu hari bulan March dua ribu lapan* [1/3/2008] *jadilah* [menjawat] ketua pengarah sampailah *sebelas april dua ribu lima belas* [11/4] . Pada *Dua belas april dua ribu lima belas* [12/4/2015] maka saya pun meninggalkan jawatan dalam permuziuman. Jawatan saya dalam kerajaan Malaysia ialah *empat puluh satu* [41] tahun. *Empat puluh satu* [41] tahun *enam* [6] bulan *enam* [6] hari. Satu tempoh yang lama sebab daripada SPM saya terus bekerja. Orang lain dari SPM mereka pergi belajar *dulu* [dahulu] *full time* [sepenuh masa]. Kemudian mereka pergi juga *ambil* [mengambil] cuti belajar buat master. Saya buat master sarjana pun secara luar kampus. Saya pun membuat sarjana sumber manusia secara sendiri. Jadi masa saya bekerja sambil belajar sebab untuk kita maju dalam kerjaya dan kelayakan akademik sangat penting. Jadi satu yang sangat penting kepada saya sebab saya bukan dari jutaan kalangan anak-anak

orang kaya. Kemungkinan anak-anak orang kaya ini mereka fikirkan duit sudah ada. Jadi *takda* [tiada] kelayakan akademik pun *takpa* [tidak apa]. Jadi saya duduk di Kuala Lumpur kalau saya ada duit mungkin saya boleh buat berniaga *tapi* [tetapi] tiada. *Nak* [hendak] makan pun cukup-cukup *ja* [sahaja]. Kadang-kadang *tak* [tidak] makan. Terpaksa berpuasa bukan bulan puasa. Berpuasa bulan *tak* [tidak] puasa kerana *takda* [tiada] duit. Jadi dengan itu memberi keinsafan kepada saya bahawa saya mesti meningkatkan kelayakan akademik saya. Kalau saya *tak* [tidak] buat begitu apa akan jadi *kepada* [dengan] masa depan saya. Jadi saya kata pada diri saya sendiri. Jadi itu beza saya bandingkan diri saya dengan keadaan masa ini .Saya tengok sangat berbeza sebab saya tengok diri saya sendiri. Saya *nak* [mahu] jadi apa? Kalau saya *nak* [hendak] melangkah memajukan kehidupan saya terutama di Kuala Lumpur yang penuh dengan cabaran dan dugaan saya *kenal* [hendaklah] belajar lagi jadi apabila kita *nak* [hendak] belajar sudah tentunya kita *kena* [perlu] ketepikan main boling *main itu main ini* [dan lain-lain] .Walaupun kawan-kawan *kita* [saya] *dia* [mereka] pergi *enjoy* [berseronok] semua tetapi saya *kena* [perlu] korbankan untuk saya majukan diri. Kalau saya nak buat macam tu juga kemungkinan saya *tak* [tidak] dapat cepat [kecapi] dalam akademik dari segi peningkatan. Itu yang saya lalui dan alami jadi perancangan sangat penting terutamanya saya belajar di uitm sebab kita ada kerja kursus, peperiksaan, modul-modul banyak *lah* [juga] benda-benda yang kita *kena* [perlu] buat sepertimana yang ditugaskan kalau kita *tak* [tidak] betul-betul patuh kepada *apa* [perkara] yang ditentukan *takda* [tiada] disiplin belajar sendiri memang kita *tak* [tidak] mencapai

apa [perkara] yang kita harapkan sebab *tak* [tidak] sama kalau kita yang belajar *full time* [sepenuh masa]. Jika kita belajar tutorial, *tak* [tidak] tahu kita ada tutorial kelas jika *Tak* [tidak] faham kita *kena* [perlulah] *buat* [membuat] *group* [kumpulan] perbincangan. Pada saya dalam sejarah kehidupan saya, saya banyak membentuk *group-group* [kumpulan-kumpulan] perbincangan di peringkat sijil pengajian *even* [walaupun] di peringkat di ploma *accountancy* [akaun] *ada* [terdapat] kawan-kawan yang bersama dengan saya. kami membuat *group* [kumpulan] perbincangan, begitu juga sampai saya di USM pun di Kuala Lumpur ini kami *ada* [mempunyai] *group* [kumpulan] perbincangan malah masa saya *buat* [mengambil] Sarjana Pembangunan Sumber Manusia SRD *pun* [juga] saya *ada* [mempunyai] *group* [kumpulan] perbincangan sendiri walaupun namanya belajar sendiri tapi kita *ada* [mempunyai] *group* [kumpulan]. Kami belajar cara berbincang sampai larut malam dan sebagainya. Jadi ini memerlukan disiplin yang sangat tinggi sekali, kita *kena* [perlu] patuh pada masa, janji sekian masa kita perlu datang pada masa tersebut.

WNA : **Kawan-kawan masa perbincangan Dato' itu sama-sama belajar *off campus* [luar kampus] ke?**

DII : **Kawan-kawan saya yang belajar di *off campus* [luar kampus] adalah *group* [kumpulan] perbincangan begitulah juga semasa belajar *accountancy* [akaun] juga kita bentuk *group* [kumpulan] perbincangan sendiri, *empat* [4] hingga *lima* [5]**

orang atau paling tidak *tiga* [3] orang.

WNA : Ramai ke yang belajar jarak jauh seperti Dato'?

DII : *Haa* [iya] ramailah tapi pada masa itu bukan mudah untuk dapat. Tetapi sekarang ini terlalu ramai *open university* [Universiti Terbuka] ada dan sebagainya. Dulu *Open University* [Universiti Terbuka] *takda* [tiada] dan *mana ada* [tiada] belajar *online* [atas talian] *takda* [tiada], kalau masa tu [itu] ia melalui *distance learning* [jarak jauh] pun kita ada. Program melalui radio diceramah melalui radio di USM. Pengajian luar kampus *ada* [mempunyai] siri-siri melalui radio untuk memberi kuliah dan sebagainya. Tapi sekarang *ni* [ini] memang terlalu berbeza di *private high learning education* pun [juga] ada. Pengajian secara jarak jauh *even* [walaupun] diluar Negara pun kita boleh belajar untuk dapatkan kelayakan luar Negara melalui *online study* [belajar atas talian] dan sebagainya.

WNA : Bagaimana hendak berinteraksi dengan pensyarah pada masa itu?

DII : Berinteraksi dengan pensyarah kita boleh berhubung melalui telefon. Pada masa itu *tak ada* [tiada] wassap *tak ada* [tiada] mesej [pesanan ringkas], kita boleh telefon kalau ada keperluan kita *nak* [hendak] bertanya dan sebagainya. Kita boleh berhubung kalau ada keperluan kalau *tidak* [tiada] kita pun ada. Kita ada pertemuan setiap bulan. Kita ada pertemuan ditempat-tempat ataupun pusat-pusat

ditentukan untuk diberi bimbingan dan *dibagi* [diberi] bimbingan oleh *tutor* [pengajar] tapi bukanlah *tutor* [pengajar] sebagaimana pelajar lain.

TAMAT KASET 1 BAHAGIAN B

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

Kaset 2: Bahagian A

- WNA** : Semasa Dato' melibatkan diri di dalam pekerjaan dengan kerajaan, adakah pekerjaan yang Dato' ceburi satu minat sebelum memperolehi kerja tersebut?
- DII** : Dia sebenarnya kalau kita fikir dari segi kerja yang kita laksanakan itu, ikut jawatan yang kita dapat. Memang kita *nak* [hendak] memohon kerja bukan kita seorang *aje* [sahaja], ramai orang *nak* [hendak] memohon kerja, jadi jawatan juga kalau jabatan kerajaan pun bukannya banyak, yang *nak* [hendak] memohon ramai, yang dapat tentunya *tak* [tidak] ramai. Pilihan juga kita *tak* [tidak] boleh pilih segala macam kerja yang kita *nak* [mahukan], perkara ini tengok *jugak* [juga] kepada kelayakkan akademik yang kita ada, jadi kesesuaian kelayakkan yang kita ada *tu* [itu] juga menentukan arah mana yang kita pergi. Jadi macam saya pun tentulah apabila saya mempunyai kelayakan dalam bidang ilmu kemanusiaan, B A Honest Geography Antropology Sociology dan pada masa yang sama saya juga sudah bekerja di muzium, dapat galakan *pulak* [pula] daripada Ketua Pengarah Muzium pada masa itu. Jadi ini *pun* [juga] satu orang kata *value add* [tambah nilai]

untuk saya menceburi dalam bidang permuziuman. Jadi berbalik kepada soalan tadi, soal minat *tak* [tidak] minat. Jadi macam saya bekerja di muzium sebagai kurator, bukan satu benda yang saya rancang. Saya *plan* [rancang] apabila ijazah nanti, saya akan pergi bekerja muzium. Saya pun *tak* [tidak] duga, sebab jawatan macam saya *ni* [ini] kalau dalam geografi, boleh pergi jadi pensyarah pun boleh, geografi antropologi sosialogi semua tak [tidak] ada masalah.

WNA : Antara bidang yang dato' pelajari semasa ijazah?

DII : Saya belajar subjek, major saya geografi, subjek minor saya sosialogi antropologi. Jadi berbalik kepada soal minat *tadilah* [tadi] apabila kita *dah* [sudah] bekerja , sudah tentulah kita kena seronokan diri kita dengan apa yang kita *buat* [lakukan] . Itu penting sebab kalau kita *nak* [hendak] buat sesuatu, kita *kena* [perlu] seronok *nak* [hendak] buat [lakukan]. Itu adalah salah satu yang paling penting untuk menjadi pegangan kita. Jadi kalau kita seronok dengan apa yang kita buat, jadi kita boleh menyumbang dengan yang terbaik. Kalau kita *nak* [hendak] *buat* [lakukan] sesuatu, kita rasa *tak* [tidak] seronok, jadi kita buat pun *tak* [tidak] ikhlas. Macam mana *nak* [hendak] rasa seronok.

ARH : Macam *course* [kursus] kita pelajari, kita kena [perlu] minat.

DII : Ha [iya], kita kena [perlu] minat, jadi barulah seronok, baru rasa nikmat itu ada.

Kalau kita buat kerja dalam *tak* [tidak] seronok macam mana kita hendak menambahkan lagi keilmuannya dan kemahirannya. Tetapi *kalau* [jikalau] seronok kita akan lebih buat lagi dan lebih banyak lagi buat. Kalau kita dah *tak* [tidak] seronok, jadi *tak* [tidak] banyak kita dapat kembangkan lagi kita punya aspek pengetahuan dalam aspek kemahirannya dan aspek kepakarannya. Jadi ini sangat penting kepada saya. Jadi ada orang kemungkinan dia *nak* [hendak] sesuatu, dia dapat apa yang dia *nak* [mahukan]. Alhamdulillah , itu [kedengaran hon kereta] itu memang dia *plan* [rancang] (kedengaran hon kereta) betul-betul. Tapi dalam saya punya keadaan tadi berbeza. Saya pun *tak* [tidak] terfikir untuk menjadi kurator tapi, apabila saya *dah* [sudah] menjadi kurator, saya *kena* [perlu] terima hakikat. Ini adalah satu tanggungjawab kepada saya and then (kemudian) saya sifatkan ia *jugak* [juga] sebagai tuah [nasib baik]. Tuah sebab , *nak* [hendak] *mintak* [minta] ramai pada masa itu jawatan *dua* [2] saja [sahaja], yang *mintak* [minta] sedikit punya ramai. *Yes* [iya], Jadi tuahlah [nasib baik] kepada saya. Jadi saya *kena* [perlu] bersyukur. Konsep bersyukur apabila kita bersyukur *ni* [ini] kita tunjukkan kesyukuran kita dalam keadaan kita buat yang terbaik daripada kita mula bekerja sampailah dapat naik pangkat dan sebagainya. Buat sungguh sungguh, kerja kena buat dengan penuh komitmen, *tak* [tidak] boleh kita buat sambil lewa, itu pada saya *tak* [tidak] boleh, jadi prinsip hidup saya, bila buat kerja, buat kerja sungguh-sungguh, tidak jangan buat. Kalau buat *tak* [tidak] sungguh-sungguh buat apa buat *and* [dan] *then* [kemudian] kita *happy* [gembira]. Satu lagi, masa berlalu kita *tak* [tidak] terasa. Kalau kita *tak* [tidak] buat sungguh-sungguh, kita rasa lama. Jadi

kalaupun kita buat kerja seronok, masa berlalu tanpa kita rasai, kita *tak* [tidak] perlu menunggu.

WNA : Selepas dato bekerja, apa hobi Dato' untuk mengisi masa lapang?

DII : Sebenarnya, soal dalam kontek kerjaya saya di muzium, kalau masa belum menjawat jawatan peringkat Pengarah, semasa saya menjadi kurator peringkat awal, ada *jugak* [juga] masa untuk saya gunakan lebih masa. Maksudnya lepas balik kerja *tu* [itu], kalau saya ada masa di Taiping, *tiga* [3] tahun *saja* [sahaja], di luar daripada Kuala Lumpur yang saya bekerja semasa saya di Taiping. Jadi kalau di sana, *takda* [tiada] keadaan *traffic jammed* [tersekat di jalan raya], keadaannya udaranya lebih nyaman, *takda* [tiada] *pollution* [pencemaran] dan sebagainya. Jadi kehidupan amat berbeza, boleh saya katakan amat berbeza dengan *cost of living* [taraf hidup] lebih rendah berbanding dengan Kuala Lumpur. Jadi dari segi masa [bunyi kerusi] yang ada untuk diri dan keluarga, dan juga untuk apa-apa aktiviti *nak* [hendak] bawa isteri, anak-anak pergi Lake Garden, dan sebagainya masih ada. Masa itu anak kecil lagi, *nak* [hendak] bawa mereka main basikal dekat Lake Garden dan pergi kolam renang walaupun mereka *tak* [tidak] mandi sangat. Tapi apabila kita *dah* [sudah] meningkat, jawatan yang lebih tinggi sudah tentulah komitmen kita lebih. Apabila jawatan kita lebih tinggi, tanggungjawab kita lebih berat. Jadi itu, kita kena faham kita ada dua keadaan. Satu tumpuan kepada kerja dan tumpuan kepada keluarga. Jadi dalam konteks kerjaya, kita *dah* [sudah] bagi

satu *undertaking* [mudah] komitmen. Apabila bekerja kita *kena* [perlu] utamakan kerja kita, bukan keluarga kita ataupun diri kita. Jadi itu adalah pilihan kita. Jadi kita kena menumpukan lebih banyak masa dan tenaga kepada kerja. Sebab dengan kerja *ni* [ini] kita dapat rezeki dan hasil untuk kitamenyara keluarga *jugak* [juga]. *Nak* [hendak] menyekolahkan anak-anak kita. Jadi itu adalah satu pengorbanan yang kita kena [perlu] lakukan. Jadi soal masa, memang bila sudah peringkat Pengarah, peringkat Ketua Pengarah khususnya, masa untuk sendiri *tu* [itu] tidak banyak sangat sebab bekerja apabila menjawat jawatan ketua pengarah. Boleh dikata kalau *tak* [tidak] pergi bekerja *outstation* [luar bandar], balik pun selalunya memang malam. Samaada kami *special exhibition* [pameran istimewa] dan saya memang selalu balik lewat. Bukan soal gaji, ada *jugak* [juga] pihak-pihak kata “oh, kita kena hari-hari kena tambah kerja *lima belas* [15] minit”. Pada saya, itu di lihat kepada orang yang cukup *time* [masa] balik *je* [sahaja] dia akan balik. Macam kami tidak, bekerja di muzium bukan ikut *time* [masa] balik kita terus balik. Kadang-kadang *sejam* [1 jam] *dua jam* [2 jam], lepas magrib dan isyak baru balik. Jadi suasana berbeza, maknanya masa untuk kita [bunyi kerusi] memang orang kata masa *ni* [ini] kita boleh rancang, tapi tengok *jugak* [juga] keutamaan kita macam mana. Kalau kita memberi keutamaan kepada kerja lebih tinggi, jadi *takdelah* [tiada] kita memikirkan bila masanya kita *nak* [hendak] pergi bermain golf. Sebab kita fikirkan kita perlu memperbanyakkan lagi kegiatan, pencapaian jabatan kita, jadi itu melibatkan masa kita lebih disitu iaitu pada hari Sabtu atau hari Minggu. Walaupun sebelum itu, kerajaan pada awalnya memberikan hari

sabtu pertama, kedua dan ketiga sebagai pemberian cuti pada hari sabtu. Lepas *tu* [itu] semua hari sabtu pun bagi cuti . Jadi pada kami yang bekerja di muzium, macam saya sendiri, hari sabtu ataupun ahad ke kita perlu bekerja sebab hari sabtu dan ahad lebih ramai lagi orang datang ke muzium. Jadi kita *kena* [perlu] buat banyak aktiviti pada hujung minggu. Kalau masa itu, kita *nak* [hendak] santai, rehat *kat* [di] rumah, jadi perlu tengok juga. Saya boleh memilih untuk *tak* [tidak] pergi. Saya Ketua Pengarah contohnya pengarah duduk di rumah *je* [sahaja]. Tapi saya *kena* [perlu] pergi tengok. Apa yang di buat, yang berlaku, serta keperluan pelancong, pelawat, yang boleh dibaiki, saya *kena* [perlu] melawat ke muzium-muzium bawahan saya. Jadi soal hobi tu, memang *tak* [tidak] logiklah kalau kita kata seseorang tu *takda* [tiada] hobi. Hobi saya yang paling utama sekali adalah membaca buku sebab *tu* [itu] kalau pergi rumah saya sekarang ni, saya pun baru bersara, saya ingat *tak* [tidak] kurang *tiga puluh* [30] kotak besar buku tu, memang dalam satu bilik di rumah saya tu belum buka lagi. Itu koleksi buku saya sendiri sebab saya memang banyak membaca. Membaca bukan satu buku. Ada orang membaca buku dia habis sekelip mata *je* [sahaja]. Saya banyak buku saya baca. Kadang-kadang *tak* [tidak] semestinya baca semua sekali dalam buku itu.

WNA : **Selalunya buku itu dalam bidang apa?**

DII : Bidang pelbagai bidang dalam *leadership* [kepmipinan], motivational, perubahan tradisi, kebudayaan dan permuziuman.

WNA : Merangkumi semua perkara yang boleh ditambah?

DII : Pelbagai aspek, tetapi untuk kerjaya saya sudah tentu mahu *tak* [tidak] mahu saya *kenal* [perlulah] membaca buku terkini tentang bidang permuziuman, bidang sejarah dan bidang kebudayaan, itu sudah tentulah. Kemudian macam saya juga berminat dalam hal-hal *leadership* [kempimpinan]. Saya banyak membeli buku-buku yang berkaitan dengan *leadership* [kempimpinan]. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh tokoh-tokoh tertentu, tokoh seperti Mahatma Gandhi contohnya. Dalam konteks islam Nabi Muhammad SAW, banyak buku-buku yang berkaitan *apa* [perkara] yang di lakukan oleh Nabi kita sendiri, kepimpinannya dan macam-macam lagi. Jadi saya beli [bunyi walkie talkie] buku-buku *leadership* [kepimpinan], pencapaian seseorang, banyak koleksi buku-buku *tu* [itu] yang saya jadikan sebagai koleksi bukan untuk simpan *je* [sahaja] kena bacalah. Anak-anak saya ada jugak [juga] yang mengambil buku-buku itu untuk membaca dan pada masa yang sama saya juga minat dalam perubatan tradisional menggunakan bahan-bahan tradisi tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Itu pun sebagai koleksi juga [ketawa] saya minat dalam aspek yang berkenaan. Jadi buku-buku tentang itu pun banyak, perubatan-perubatan tradisional bukan sahaja dalam Negara tapi koleksi-koleksi buku daripada luar Negara pun ada *jugak* [juga] berkaitan perkara yang sama.

WNA : Berapakah bilangan anak-anak Dato' ?

DII : Anak saya *lima* [5] orang. Seorang perempuan dan *empat* [4] orang lelaki. *Empat* [4] hero [pahlawan] yang *sulong* [pertama] perempuan.

WNA : Apakah nama anak Dato' yang *sulong*?

DII : Anak yang *sulong* [pertama] Marsyila, nama yang *kedua* [2] Yassin. Yassin *tu* [itu] baru mendapat anak dua [2], tiga [3] hari yang lepas. *Satu mei* [1/5] dapat seorang lagi anak ke *empat* [4], yang tengah sibuk *la* [sekarang] *ni* [ini], hari ini juga ada pergi hospital *nak* [hendak] bawa isteri dia keluar dan sebagainya. *So* [jadi], dia pun mengajak saya pergi ke hospital juga. Saya dah *tak* [tidak] boleh sebab saya *dah* [sudah] janji dan saya ada komitmen hari ini. Ok[baikalah], kemudian yang ketiga Mohd Asif, Mohd Asif dia ada pergi ke Johor Bharu semalam, hari ini mungkin dia balik. Yang keempat masih lagi dengan UPM [Universiti Putra Malaysia] sedang *buat* [belajar] *food technology* [teknologi makanan]. Dia *pun* [juga] *final year* [tahun akhir]. Kemudian yang *kelima* [5] ialah Habib. Habib dia baru sahaja tamat SPM dan menunggu untuk dapat matrikulasi, menunggu UPU, kemungkinan dapat tawaran pergi universiti atau sebagainya. Jadi itu anak-anak saya, *lima* [5] orang dan isteri seorang iaitu Hafiza Abd Manap.

WNA : Berapakah umur anak-anak Dato' ?

DII : Anak-anak saya *dua* [2] orang *dah* [sudah] berumah tangga *dah* [sudah] *tiga puluh* [30] tahun lebih. Kemudian yang lain tu baru lepas belajar dan lepasan diploma. Yang seorang masih lagi ijazah pertama dan yang seorang lagi SPM.

WNA : Selain dari bekerja, bagaimana dato mengisi masa lapang dengan keluarga?

DII : Bersama keluarga, tengoklah. Ada masa-masa saya pergi *outstation* [luar negeri] dan sebagainya, kalau tidak menyukarkan isteri dan anak-anak mereka akan ikutlah walaupun saya ada komitmen dengan kerja tapi sekurang-kurangnya mereka dapat bersama-sama dengan saya ditempat-tempat tertentu di dalam negara mahupun luar negara. Tapi apabila mereka ikut, mereka tidak melibatkan hal-hal yang bersabit dengan kerja saya. Jadi mereka buat program mereka sendiri. Cuma mereka ikut sahaja, di samping itu kalau dirumah, ada hari-hari yang dapat saya bersama dengan mereka, maknanya kami boleh makan bersama di rumah ataupun keluar makan di tempat-tempat yang kami pilihlah secara bersama. Tapi macam saya sendiri, isteri saya memang suka masak dan makan di rumah. Jadi kita cuba kalau anak-anak, keluarga ada di rumah kita, akan seboleh-bolehnya makan di rumah. Itu saat yang kita boleh ada bersama. Kalau tidak sukar. Amat sukar sekali untuk kita ada masa bersama. Kalau *nak* [hendak] pergi *outing* [keluar] dan sebagainya memang jarang sangat berlakulah terutamanya apabila saya jadi ketua

pengarah, memang jarang sangat saya ambil cuti, pergi melancong dan sebagainya. Tidaklah berlaku dalam tempoh yang berkenaan. Jadi, bercakap tentang hobi ataupun perkara yang saya buat ketika lapang, saya katakan tadi membaca buku. Tapi sebenarnya ada lagi yang saya minat. Saya juga suka memancing tapi *tak* [tidak] ada sangat masa yang saya boleh sediakan untuk saya pergi memancing. Kecuali jabatan saya yang melalui kelab, yang ada di hujung itu kelab sukan kebajikan dan rekreasi membuat program memancing dan sebagainya, saya akan turut sama dengan mereka. Macam orang pergi main golf. Ada juga kawan-kawan yang galakan saya main golf. Saya beli set golf tetapi berapa kali sahaja saya pergi berlatih *je* [sahaja] tetapi *tak* [tidak] pernah bermain. Jadi InsyaAllah sekarang ni sudah tidak ada terlalu banyak komitmen kerja busy kerja jadi kemungkinan saya bolehlah mengisi masa lapang yang ada ini untuk perkara yang berkenaan. Di samping itu, dari segi permainan, saya juga dan juga anak-anak kadang-kadang pergi main badminton, boling dan *table tennis* [ping pong]. Kalau *kat* [dekat] rumah tu memang ada set *table tennis*[ping pong]. Meja table tennis tu adalah main ping pong kan. Badminton pun kadang-kadang kita keluar secara bersamalah anak beranak. Kita tentukan masa, kita pergilah main badminton.

WNA : Bilakah Dato' mendapat gelaran Dato' ?

DII : Gelaran Dato' ? Gelaran Dato' itu saya dapat daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Dua [2] kali saya dapat [memperolehinya]. Mulanya saya dapat darjah (bunyi kereta) (tidak jelas) dari tuanku sultan Pahang. Itu kali pertama [1] yang membawa gelaran Dato' itu pada *tahun dua ribu sembilan* [2009]. Darjah Indera Mahkota Pahang. Kemudian, pada tahun *dua ribu sebelas* [2011], Alhamdulillah sekali lagi Tuanku Sultan Pahang telah memberi perkenan baginda untuk saya mendapat anugerah Seri Mahkota Pahang. Ini darjah kelas pertama iaitu SIMP. Jadi *dua* [2] kali, Alhamdulillah dalam sejarah hidup saya *dua* [2] kali mendapat gelaran Dato' daripada Tuanku Sultan Pahang. Tapi sebelum itu, pada tahun *dua ribu tiga* [2003], saya juga mendapat anugerah daripada Tuanku tempat saya dilahirkan, Sultan Kedah memberi anugerah kepada saya Ahli Mahkota Kedah.

WNA : Berapa lamakah muzium negara sudah beroperasi?

DII : Muzium negara telah dibuka untuk kunjungan pelawat semenjak tahun *enam puluh tiga* [63] lagi sampai sekarang.

WNA : Bagaimana pembinaan muzium negara itu tercetus?

DII : Tercetusnya pembinaan muzium negara itu adalah idea daripada *YTM* [Yang Teramat Mulia] Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu *PM* [Perdana Menteri] yang pertama. Jadi beliau memikirkan perlu ada satu [1] muzium iaitu Muzium Selangor. *Dulu* [dahulu] di situ *ada* [terdapat] Muzium Selangor. Tapi setelah di bom, maka semua musnah. Jadi Tuanku memikirkan kita perlu ada [mempunyai] sebuah muzium.

WNA : Di tempat yang sama?

DII : Ditempat yang sama, beliau bina dan mewujudkan muzium negara. Kita *ada* [mempunyai] muzium negara lagi iaitu National Muzium. Jadi Tunku ini mempunyai pandangan ke hadapan yang pada saya sangat baik. Pada beliau kita patut mempunyai muzium sendiri di peringkat *nasional* [kebangsaan]. Jadi itu yang beliau telah mengusahakan bersama pada masa itu. [kurang jelas] Beliau yang bergelar Tan Sri telah mengesahkan pembinaan muzium negara di Kuala Lumpur.

WNA : Apakah fungsi utama muzium negara?

DII : Fungsi utama muzium negara ialah tempat boleh kita sifatkan repositori

penyimpanan pelbagai koleksi khazanah, sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kita di peringkat awalnya. Kemudian sudah tentu apabila kita menyimpan khazanah ini, tujuannya kita menyimpan bukan simpan begitu sahaja. *Bila* [Apabila] kita menyimpan, kita *nak* [hendak] memberi pengetahuan kepada masyarakat. Masyarakat ini dalam konteks permuziuman, kita boleh sebut sebagai pelawat pengunjung ke muzium. Jadi pengunjung muzium samaada negara kita sendiri mahupun daripada luar negara, jadi maklumat-maklumat berasaskan kepada koleksi-koleksi yang kita ada berkaitan sejarah, budaya dan sebagainya. Jadi sudah tentu untuk urusan itu berlaku kerja-kerja penyelidikan melalui pameran-pameran dilaksanakan di muzium, samaada pameran itu pameran bergerak atau tidak. Pameran bergerak ini diadakan satu tempat ke satu tempat atas tema-tema pelbagai. Jadi berbalik soalan tadi, peranan kita untuk muzium ini, disebutkan sebagai lima “M” mengumpul. Kita kumpul artifak, Memulihara dan Menyelidik. Sudah kumpul, kita kena [perlu] selidik. Kita boleh menyelidik *dulu* [dahulu] dan mengumpul kemudian ataupun kita ambil *dulu* [dahulu] kemudian kita selidik. Kemudian memulihara, itu yang ketiga [3] memulihara. Sebab kita *nak* [hendak] memulihara, kita *nak* [hendak] mengekalkan. Jadi kalau saya bagi ceramah senang ini perkaranya. Kemudian *satu* [1] lagi, Menyebarkan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan *tentang* [perkara] yang kita kumpul. Kalau kita kumpul berkaitan dengan budaya, budayalah, kalau kita kumpul berkaitan sejarah, sejarahlah, kalau mengenai alam semula jadi, semula jadilah dan lain-lain lagi. Jadi ini adalah teras dia. Jadi kalau kita tadi memulihara, mengekal, kita kena buat

kerja-kerja konservasi [pembaik pulihan], kalau tidak, macam mana kita hendak *simpan* [menyimpan] bahan-bahan.

ARH : *Preserve and conserve* [pemeliharaan dan pemuliharaan]?

DII : *Preserve and conserve* [pemeliharaan dan pemuliharaan]. Itu istilahnya. Kalau tidak simpan dekat rumah, apabila simpan kita tidak jaga [menjaganya], kita simpan, kita kena jaga, kena pelihara, kita kena selidik *nak* [hendak] tahu [mengetahui] daripada mana. Jadi lepas [selepas] itu, kita bagi pengetahuan kepada orang. Macam mana orang *nak* [hendak] tahu, ini keris semenanjung atau keris madura ke. Jadi kita kena [perlu] selidik. Jadi memang menarik, sebab itu kita ada ada *specialization* [kepakaran]. *Ada* [Terdapat] orang untuk membuat konservasi dalam muzium, ada orang yang membuat kerja-kerja penyelidikan kan? Ada orang menyampaikan ilmu pengetahuan melalui program pendidikan muzium dan membuat kerja-kerja pameran sama ada di muzium mahupun dia ke luar dalam Negara atau ke luar Negara. Seronok bekerja muzium ini, memang cukup seronok.

WNA : **Bagi Dato' sendiri, bahagian mana yang paling menarik?**

DII : Menarik ini, macam-macam pun menarik. Kalau orang membuat konservasi, kita ada bersama dengan mereka. Kita tengok, menarik sebab daripada benda yang tidak terjaga, tidak terurus, kita ambil kita boleh bagi elok balik. Elok balik dalam

keadaan ini, bukan kita tokok tambah, tidak boleh! Jadi kita jaga elok-elok sebab apa, kita *nak* [hendak] kekalkan ilmu kepada generasi akan datang. Itu contoh macam [seperti] buat pameran serupa juga, pameran pun macam-macam artifak yang kita ada. *Nak* [hendak] kita pameran. Tapi cara kita *nak* [hendak] pameran pun, kena [perlu] hebat. Kalau tidak orang pun *tak* [tidak] menarik *nak* [hendak] pergi tengok.

WNA : **Maknanya, dalam pekerjaan muzium, kita belajar sesuatu yang baru setiap hari.**

DII : Memang, macam kita buat kerja-kerja *marketing* [pemasaran] muzium. Perkara itu pun penting juga. Saya banyak bagi penekanan tentang promosikan muzium. Tidak nanti kita buat macam-macam program tapi kita tidak promosikan, orang kata apa muzium buat, apa muzium buat tapi kalau publisiti selalu ada dalam banyak-banyak, *tak* [tidak] akan tidak ada datang tengok langsung. Tidak munasabah. Tapi kena selalu, kena konsisten. Perkataan muzium dari segi *marketing* [pemasaran]. Itu pun dalam bidang permuziuman. Satu lagi dalam bidang permuziuman juga kita dah ada khazanah kita kena jaga selamat. Maknanya muzium *security* [keselamatan] *and* [dan] *protection* [perlindungan] kena jaga sebab ini khazanah. Kalau tidak jaga betul-betul---

ARH : **Maknanya ada *value* [nilai] tersendiri?**

DII : *Yes* [ya].

WNA : **Macam dokumen yang apa Pulau Batu Putih?**

DII : Itu arkib yang simpan, macam kami artifak-artifak. Apa pun, benda-benda yang sangat penting kepada kita, kita kena simpan. Macam mana kita ambil contoh mudah, kita dalam konteks orang melayu sebagai contoh, budaya melayu ini, kalau suatu ketika dahulu, tidak kira melayu di Kelantan, Terengganu , Pahang , Perak , Kedah, Perlis dan dimana-mana sahaja melayu. Dirumah orang melayu ini biasanya ada kepek sirih. Sekarang kita pergi banyak ke rumah melayu yang ada kepek sirih. Anak-anak saya *nak* [hendak] tanya [bertanya]. “Ayah kerja muzium, rumah kita ada ke kepek sirih”. Saya boleh jawab dengan anak-anak saya. Saya kata, “ya [iya]”. Kita boleh kadang-kadang kita simpan, tapi saya sendiri sebagai professional muzium, saya *tak* [tidak] boleh menyimpan. Banyak benda-benda macam ini. Sebab ini *against* [berlawanan] dengan kami punya *professional ethic* [etika professional]. Sebab kami *tak* [tidak] boleh *collect* [kumpul]. Tapi, kalau simpan dekat satu [1], memang tidak ada masalah. Jadi kalau di muzium apatah lagi, ini adalah benda-benda yang berkaitan budaya kita. Jadi kita kena simpan supaya dapat melihat “ Satu ketika dahulu, apa tepak sirih begini rupanya”.

WNA : Dia berubah-berubah.

DII : Perubahan-perubahan kalau kita *tak* [tidak] simpan, kita pun *tak* [tidak] tahu tepak sirih mula-mula dulu [dahulu] dalam bentuk macam mana. Ada kacip, ada bekas *buh* [letak] kapur, bekas *buh* [letak] gambit, dan bekas *buh* [letak] tembakau. Kita pun *tak* [tidak] tahu, kacip bentuk macam mana pula. Lepas itu, ukiran bentuk yang ada dekat [pada] bekas itu pun kita mungkin *tak* [tidak] pernah tahu yang *dulu* [dahulu] punya. Sekarang memang semua orang cakap inovasi dan kreativiti. Sebenarnya inovasi kreativiti orang-orang kita *dulu* [dahulu] memang *dah* [sudah] hebat. Sekarang kita ada teknologi komputer untuk bantu kita *nak* [hendak] *design* [reka]. Dulu [dahulu] mana ada tapi, orang kita memang *dah* [sudah] hebat.

WNA : Sebab itu kita ada benda-benda itu.

DII : Jadi bila kita ada khazanah-khazanah seperti itu, kita dapat tunjuk kepada orang, dan buktikan. Orang-orang kita *dulu* [dahulu] pun pemikiran memang *dah* [sudah] hebat. Tapi kalau *tak* [tidak] ada benda itu, setakat tunjuk dalam kita punya *virtual* [maya], orang kata “eh betul ke benda ada?, betul ke? Itulah kita perlu simpan, kita kekalkan sebagai bahan bukti.

TAMAT KASET 2 BAHAGIAN A

Kaset 2: Bahagian B

WNA : Berapakah bilangan muzium di Malaysia?

DII : Di Malaysia sekarang ini saya kira hampir *dua ratus* [200] buah muzium di bawah jabatan muzium Malaysia sendiri *dah* [sudah] ada *dua puluh dua* [22] buah muzium di bawah jabatan muzium Malaysia. *Tu* [itu] yang saya sebut tadi termasuklah muzium-muzium di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Muzium-muzium di IPTA [Institusi Pengajian Tinggi Awam] dan IPTS [Institusi Pengajian Tinggi Swasta] di bawah kendalian jabatan-jabatan kerajaan seperti kita ada dibawah jabatan pertahanan, di bawah polis diraja Malaysia dan muzium polis contohnya, muzium tentera darat di port Dickson Negeri Sembilan. Kita ada juga muzium-muzium di bawah swasta seperti coklat, muzium jade, dan banyak lagilah,

**WNA : Itu semua termasuk muzium di bawah kendalian Malaysia *jugak* [juga]?
Muzium coklat itu?**

DII : Bukan. Di bawah jabatan muzium Malaysia yang saya sebutkan tadi *tu* [itu] .

WNA : *Tu* [itu] yang di bawah jabatan kerajaan ?

DII : Ada yang di bawah kerajaan negeri. Kalau di Kelantan, ada muzium negeri Kelantan, bukan ada Muzium Negeri Kelantan je [sahaja], *ada* [terdapat] Muzium

di Raja Kelantan, Muzium Peperangan Dunia ke Dua [2] dan Muzium Kraf Tangan. Kemudian kalau di Pulau Pinang contohnya, Muzium Pulau Pinang di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Begitu juga di Sarawak dan Sabah, dia ada muzium Sarawak dan muzium Sabah. Jadi semasa *saya* [menjadi] Ketua Pengarah tu [itu], yang saya uruskan secara terus, dalam muzium dalam jabatan muzium Malaysia.

WNA : Bagaimanakah untuk melihat perkembangan muzium secara atas talian.?

DII : Muzium Negara je [sahaja]. Muzium Negara kita ada *web page* [laman internet] dan *facebook* [muka buku] muzium Negara. Begitu juga, muzium-muzium lain. Kebanyakan muzium-muzium *ada* [mempunyai] laman *web* [internet] masing-masing. Begitu juga, dengan *facebook* [muka buku] dan macam-macam lagi yang boleh di lakukan melalui internet.

WNA : Adakah pelawat boleh mengajukan soalan terus melalui laman web tersebut?

DII : Boleh untuk muzium-muzium memang ada *column* [ruang] untuk berinteraksi dengan mengajukan soalan, mendapatkan penjelasan dan sebagainya. Jadi itu adalah satu kaedah yang boleh di buat melalui teknologi ICT [Internet Computer

and Technology].

Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya

WNA : Dalam bidang kerjaya, apakah cabaran besar yang pernah Dato' alami?

DII : Cabarannya sudah tentulah dari segi kita *nak* [hendak] meningkatkan lagi pencapaian muzium dalam pelbagai aspek. Kalau kita bercakap tentang pandangan, sudah tentu, pandangan yang kita *nak* [hendak] buat ini kita *nak* [hendak] buat pandangannya dengan lebih menarik lagi bukan sahaja menarik tapi mempunyai impak . Impak dari segi pertemuannya, apabila bercakap tentang sejarah, kita *nak* [hendak] bagi pengetahuan, kefahaman tentang sejarah itu sampai, sampai kepada *audience* [pendengar] atau pelawat kita. Ada juga tentang aspek budaya dan sebagainya. Jadi itu sebagai cabaran kepada kita. Satu lagi kalau kita bercakap tentang cabaran, memang kita *nak* [hendak] dapat pelawat-pelawat datang ke muzium. Kita panggil pelawat atau pengunjung itu juga adalah cabaran. Sebab apa, kalau kita tengok, beberapa dekad yang lalu, tidak banyak tempat-tempat yang boleh di lawati oleh orang ramai. Sekarang ini kalau kita tengok tempat-tempat macam shopping kompleks [pasaraya]. Taman tema atau theme park sahaja berapa banyak. Jadi masyarakat sekarang mempunyai begitu banyak pilihan tempat untuk mereka lawati. Satu lagi, kita *dah* [sudah] ada untuk golongan remaja terutamanya, Gen-Y, kita *ada* [mempunyai] permainan game-game sana

sini. Termasuklah di rumah sendiri mereka boleh main *game* [permainan] dengan pelbagai gajet. Jadi masa lapang mereka itu, mereka boleh gunakan untuk tujuan berkenaan. Jadi untuk kita mahu tarik mereka ini, golongan-golongan sebegini, pelajar-pelajar dan golongan remaja, begitu juga golongan orang dewasa yang datang ke muzium ini satu yang boleh kita sifatkan sebagai cabaran kepada kita. Kalau kita dalam keadaan yang sama sahaja, status itu, jadi sukar sebab kita ada banyak pesaing-pesaing untuk mereka pilih, jadi ini merupakan cabaran besar kepada kita. Macam saya pun, macam tadi saya sebut, satu perkara yang penting untuk muzium ini, kita kena buat promosi *marketing* [pemasaran] dengan konsisten yang boleh memberi impak, sebagai satu tarikan untuk datang, itu juga satu cabaran.

WNA : Apakah pengalaman yang sukar Dato' lupakan sepanjang berkhidmat untuk muzium?

DII : Sepanjang berkhidmat dengan muzium, Cabaran itu memang banyak. Kita di muzium bukan kita *nak* [hendak] menguruskan artifak sahaja, menguruskan program dan aktiviti muzium. Macam-macam program kita buat, kita menguruskan termasuk sumber manusia, warga kita sendiri tetapi bila kita bercakap warga kita sendiri, sudah tentu kita *nak* [mahu] membudayakan mereka ini, supaya memberi yang terbaik dan cemerlang kepada organisasi. Kalau organisasi atau muzium sudah tentulah muzium itu sendiri, *apa* [perkara] yang di

buat oleh muzium. Jadi ini memerlukan orientasi, maknanya kalau sekarang ini, dia cakap transformasi. Transformasi minda kita. Kita kena selalu fikirkan macam mana kita *nak* [hendak] *buat* [lakukan]. Perubahan, walaupun sedikit yang di lakukan oleh seseorang apabila kita berkata ianya perubahan, tetap perubahan tapi kalau kita tidak berperanan dalam waktu itu, tiada apa-apa yang kita buat dari segi perubahan dan perubahan yang saya rujuk ini adalah perubahan kepada lebih baik. Perubahan ini kemungkinan membawa kepada yang tidak baik. Tapi yang saya rujuk, perubahan yang kepada lebih baik. Kalau kita kata kita buat pameran, kita adalah pameran yang lebih baik. Kita *tak* [tidak] buat kerja *basa basi* [sambil lewa], teknik, bahan-bahan ataupun kemudahan semuanya kita *nak* [hendak] buat yang lebih lagi. Cara penyimpanan koleksi kita, sistemnya lebih baik lagi. Jadi macam sumber manusia yang mengurus, yang menguruskan muzium ini pun yang lebih baik lagi. Bagi ilmu kepada mereka, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran kepada mereka, ini semua adalah cabaran. Macam saya sebagai Ketua Pengarah, pada tempoh tersebut sudah tentulah perlu mengambil tanggungjawab ini. Melihat ini satu perkara yang pasti. Saya sendiri prihatin, begitu juga dengan soal memasarkan muzium itu sendiri supaya orang *tahu* [mengetahui] tentang muzium kita.

WNA : Adakah usaha yang tersebut adalah untuk menarik pelancong asing?

DII : Pelancong atau pelawat muzium ini termasuklah pelawat negara kita sendiri di samping pelawat luar negara, jadi kedua-duanya saya pentingkan, lagipun saya nak budayakan rakyat itu sendiri untuk mereka menjadikan melawat muzium ini sebagai satu budaya bagi mereka, sebab saya apabila pergi ke luar negara, tidak kira sama ada US [United States] , Amerika ataupun saya pergi ke negara-negara eropah, ke Australia dan New Zealand,. Saya tengok perbezaan sangat ketara. Dari segi budaya melawat muzium, kalau di sebelah Amerika, Eropah dan Australia. Mereka jadikan melawat ke muzium adalah satu budaya. Masyarakat mereka dari peringkat sekolah, pengajian tinggi dan sebagainya. Jadi pada mereka melawat muzium ini *macam* [seperti] satu [1] kebiasaan kepada mereka. Macam kita ini, *kena* [perlu] bagi dorongan, perlu lakukan promosi dan macam-macam *nak* [hendak] cari tarikan kepada mereka orang-orang kita, jadi ini sangat penting untuk kita membudayakan masyarakat kita sendiri untuk melawat ke muzium dan jadikan muzium ini sebagai satu yang sewajarnya di kunjungi. Sebab bukan hanya nak [hendak] mendapatkan pengetahuan tentang sesuatu perkara semata-mata, sama ada pengetahuan itu tentang sejarah, budaya dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama kita mengetahui, memahami dan menghargai. Kita akan lebih *sanjung* [menyanjung] lagi sesuatu berkaitan dengan sejarah kita. Budaya kita, kalau tidak tahu, macam mana kita nak [mahu] sanjung budaya dan khazanah kita. Jadi kita pun akan *ada* [mempunyai] sikap tidak kisah, begitu juga dengan soal bahasa kita sendiri, yang kita tengok sekarang ini. Orang kita sendiri pun, kalau

kita tengok pandang [memandang] ringan sahaja soal bercakap dalam bahasa sendiri. Mengangkat kedudukan bahasa kita sendiri. Itu adalah satu aspek yang sangat penting.

WNA : Bagaimana Dato' melihat penghayatan sejarah dalam kalangan pelajar?

DII : Dalam kalangan pelajar, saya kira ini tidak ada masalah, memang kita katakan selalu orang cakap tentang sejarah, kalau di sekolah sejarah ataupun di universiti dianggap *satu* [1] *dry* [kering] subject, atau subjek kering. (ketawa) Orang macam seolah-olah tidak minat. Pada saya soal minat ini kita boleh timbulkan. *Cara mana* [bagaimana] kita menyampaikan boleh mencetuskan minat orang tapi, kalau cara kita menyampaikan pun *dah* [sudah] menyebabkan orang tidak teringin jadi ini yang memberi kesan. Tapi kalau macam di negara-negara yang saya sebutkan tadi, di negara barat dan sebagainya mereka *bawa* [membawa] pelajar-pelajar pergi ke muzium, tapak-tapak sejarah dan sebagainya. Jadi dengan demikian [sedemikian] dapat di wujudkan atau dibina suasana yang menyeronok. Bila [apabila] sudah seronok, mereka akan lebih nak [hendak] tahu lagi, tetapi dari mula lagi kita asyik bagi *lecture* [syarahan] sahaja, cakap dalam bilik kelas sahaja,

WNA : *Tak* [tidak] bawa keluar.

DII : Tidak dapat bayangan apa benda, bukan semua benda boleh lihat. Ada benda dah [tiada].(Radhiy mencelah)

ARH : Teori la ni.

DII : Tetapi kalau *more* [lebih] teori sahaja, muzium yang ada pun tak [tidak] bawa melawat. Jadi macam mana orang nak minat. Tapi kalau bawa melawat dalam kontek macam mana kalau kita di takbir oleh Inggeris dahulu, macam mana campur tangan Inggeris berlaku ke negara kita pada tahun *lapan belas tujuh puluh empat* [1874], Perjanjian Pangkor, membawa datang muzium, ini meja perjanjian Pangkor, walaupun tak tahu perjanjian itu, apa karangan perjanjian tersebut, ini meja mereka.

WNA : **Jadi menarik.**

DII : Jadi menarik, tengok tokoh-tokoh , gambar, peralatan di gunakan, perkara ini yang boleh menjadi satu tarikan, menyuntik semangat untuk lebih tahu. "*Weh sayang la kawe tak mari muzium, kalau tahu kawe mari lebih awal lagi*" [sayang tidak pergi muzium, kalau tahu saya mari awal lagi]. Tapi kalau cikgu *tak* [tidak] bawa [membawa], *tak* [tidak] bagi galakan, macam mana? Kalau bawa datang muzium,

cikgu pula *duk* [berada] *kat* [di] luar, pelajar-pelajar masuk dalam, dan bagi [peruntukan] masa setengah jam sahaja, lepas itu suruh kelim kabut [cepat-cepat] keluar.

WNA : Cara penyampaiannya?

DII : Ini pun pada saya, tidak bijak kalau itu berlaku, kalau di barat, bukan saya nak sanjung barat tapi ini yang kita boleh jadikan panduan. Guru-guru yang bawa pelajar masuk, guru-guru sendiri yang bagi penerangan. Guru-guru duduk bersama pelajar-pelajar menceritakan tentang sesuatu yang berkaitan dengan budaya, berkaitan sejarah dan sebagainya lagi. Jadi baru seronok.

WNA : Bagi *lecture* [bersyarah]

DII : Terus bagi *lecture* [bersyarah], macam mana *nak* [hendak] menarik. Jadi ini pada saya bukan subjek itu sendiri tidak menarik, tapi cara kita nak menyediakan ianya menarik. Macam orang bagi *lecture*, ada *lecture* [bersyarah] yang di sampaikan kepada *student* [pelajar], walaupun dia hebat, Professor Madya, *student* [pelajar] tak [tidak] suka. Cara menyampaikan orang tak minat. Tapi kalau pensyarah biasa, kalau menyampai, dengan itonasi, dengan sedikit gurauan, orang akan seronok,

dan akan bagi pujian. Ini semua perkara-perkara yang boleh membawa kepada orang suka dan tak [tidak] suka kepada sesuatu subjek.

WNA : Apakah aktiviti yang pernah di lakukan oleh muzium sempena hari muzium antarabangsa?

DII : Sebenarnya hari muzium antarabangsa memang di sambut di seluruh dunia. Sejak *tahun tujuh puluh tujuh* [77], kalau tak silap saya. Ini sejarah di negara kita sejak tahun *sembilan belas sembilan tujuh* [1997] kita mula sambut. Kita sambut secara bersama maknanya muzium-muzium di negara kita bergandingan, menetapkan siapa yang *jadi* [menjadi] tuan rumah, jadi kita melakukan sambutan tiap-tiap tahun *pada lapan belas* [18] mei, tarikhnya ialah *lapan belas* [18] mei adalah hari muzium. Jadi *lapan belas* [18] mei adalah hari muzium di sambut di seluruh dunia. Jadi kita ada *satu* [1] badan induk permuziuman iaitu di kenali sebagai *International Council Of Museum* [Pertubuhan Muzium Kebangsaan] (ICOM). Jadi badan ini yang menentukan tema sambutan untuk tiap-tiap tahun. Jadi untuk negara kita, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, setelah kita tentukan tuan rumah, kita juga ada jawatan kuasa induk yang menetapkan apa pengisian program pada tahun-tahun yang berkenaan. Jadi jawatan kuasanya ada aktiviti-aktivitinya. Jadi aktivitinya termasuk mengadakan pameran, wacana ilmu, kemudian berbagai-bagai lagi yang dapat melibatkan masyarakat, perkhidmatan masyarakat juga

bukan hanya di kalangan warga muzium sahaja, tetapi masyarakat juga ada terlibat sama. Jadi ini juga satu peluang untuk mendekatkan lagi masyarakat dengan muzium dan tidak hanya terbatas di negara kita sahaja, tetapi di seluruh dunia dan temanya sama, satu dunia sama tema.

WNA : Apakah tindakan muzium negara terhadap istana negara lama?

DII : Istana negara lama telah pun di putuskan oleh kerajaan, setelah Tuanku Yang dipertuan Agong kita , Tunku Mizan Sultan Zainal Abidin habis tempoh sebagai Agong, Yang dipertuan selepas itu ialah Tunku Abdul Halim, Sultan Abdul Halim, apabila kali kedua [2] beliau menjadi agong, jadi istana negara baru telah siap di Jalan Duta untuk baginda pun bersemayam di istana negara yang baru, jadi istana negara lama itu telah pun di putuskan oleh kerajaan untuk dijadikan muzium, jadi sekarang ini bangunan itu menjadi muzium di raja.

WNA : Apakah aktiviti yang digunakan di Istana Negara lama tersebut?

DII : Di samping muzium berkenaan mengadakan pameran tetap, maknanya semua bilik-bilik yang ada di bangunan itu, boleh di lawati oleh pelawat, melihat apa kegunaan bilik-bilik itu, bilik tunku menyampaikan contohnya watakah perlantikan kepada pelbagai jawatan tentera, panglima angkatan tentera, ketua polis negara,

hakim-hakim, banyaklah bilik-bilik, bilik menunggu, perdana menteri hendak mengadap baginda setiap minggu sebelum mesyuarat jemaah menteri, bilik santapan, semua bilik-bilik itu di benarkan untuk di lawati dan ada juga diadakan pameran khas dari masa ke masa. Macam tahun ini, hari itu diadakan pameran yang melibatkan dalam sebulan [1] dua [2] bulan lepas, melibatkan Duli yang Maha Mulia Sultan Kelantan dan Tunku Mukhriz Yang dipetuan Besar Negeri Sembilan. Jadi itu dari segi pameran. Ruang-ruang yang ada diluarnya juga di manfaatkan, diadakan program berkuda. Berkuda di kawasan muzium kemudian program memanah diadakan pada hujung-hujung minggu, aktiviti memanah yang boleh diambil bahagian oleh pelawat-pelawat yang datang dan upacara perkahwinan juga dengan kadar bayaran tertentu, itupun muzium di raja membenarkan pihak-pihak yang berhasrat untuk mengadakan majlis perkahwinan dan pelbagai acara lagi mengikut garis panduan yang ada, di benarkan untuk aktiviti-aktiviti di lakukan.

WNA : Selain daripada itu, apakah aktiviti yang melibatkan memartabatkan Bahasa Melayu yang dilakukan di muzium negara?

DII : Aktiviti memartabatkan Bahasa Melayu, memang kita sebenarnya dalam konteks memartabatkan bahasa itu, satunya [1] ialah kita dalam konteks maklumat-maklumat yang kita sampaikan dalam Bahasa Melayu sebagai satu wadah utama

penyampaian, sudah tentu Bahasa Melayu kita bagi keutamaan. Sebagai bahasa yang menjadi kedudukan yang teratas sekali. Kemudian, kita ada Bahasa Inggeris. Jadi dalam bentuk pameran, memang kegunaan Bahasa Melayu, memang kita lakukan mengikut lunas yang sewajarnya. Maknanya, kita betul-betul mengikut tatabahasa yang sepatutnya. Jadi ini memang berlaku sepanjang masa. Dalam pada itu juga, ada program-program berkaitan bahasa yang kita lakukan. Kalau dimuzium, memang kita dalam konteks melaksanakan pendidikan dan sebagainya. Jadi aspek-aspek kegunaan bahasa yang betul dan sebagainya. Memang di beri penekanan. Dan wacana-wacana yang berkaitan dengan bahasa juga memang dia ada daripada masa ke masa mengikut kesesuaian. Dalam pada itu. Kita juga pada suatu ketika pernah mengadakan pameran Bahasa Melayu di muzium. Kita juga ada menerbitkan buku Bahasa Melayu yang melibatkan Professor Asmah. Professor Asmah Haji Umar. (Bunyi enjin kereta). Tokoh bahasa kita, Bahasa Melayu.

WNA : Dato' penat?

DII : *Takpa* [tidak apa]

WNA : *Takpa* [tidak apa]. Apakah pameran yang melibatkan perlibatan aktiviti kanak-kanak, macam contohnya jemputan upin-ipin?

DII : Pameran yang melibatkan aktiviti kanak-kanak memang banyak. Bila kita buat pameran, *tak* [tidak] kira apa tajuk sekalipun, ada aspek-aspek melibatkan sudut interaktif, maknanya kanak-kanak ini boleh bersoal-jawab, ada [terdapat] kuiz dan sebagainya. Mereka boleh ambil bahagian. Jadi ini memang banyak, bukan kata kita buat semata-mata khas untuk kanak-kanak sahaja, tetapi apa jua program, pameran yang kita buat, apa tajuk sekalipun, ada komponen-komponen yang mana elemen-elemen atau komponen-komponen interaktif, jadi mereka boleh berinteraksi, soal jawab dan sebagainya. Jadi ini memang sentiasa ada, bukan kita sebut program melukis, tidak [bukan] itu semata-mata, itu adalah satu [1] daripadanya.

WNA : Siapakah di antara tokoh Sasterawan negara yang terlibat yang dipamerkan dalam muzium negara?

DII : kita tidak ada *specific* [keutamaan], kita bukan Muzium Bahasa. Kalau muzium bahasa itu lain. Tapi kalau di Negeri Sembilan, memang dia *ada* [terdapat] satu [1] yang disebutkan sebagai teratak Zaba. Jadi ni ditonjolkan tentang Zaba itu sendiri, ini di bawah ,muzium, Lembaga Muzium Negara.

WNA : Apakah aktiviti santai yang dilakukan di Muzium Negara?

DII : Aktiviti santai sebenarnya banyak berlaku. Termasuklah program bermalam di muzium dan juga program-program lain lagi, sebelum ini karnival muzium. Ini yang saya rujuk kepada muzium-muzium di bawah jabatan muzium Malaysia, karnival Muzium Perak, Muzium Lukur dan banyak lagi karnival Muzium Negara. Jadi ini lebih bersifat santai maknanya di samping pelawat melawat, melihat pameran, mereka juga dapat mengambil bahagian, contohnya, demonstrasi anyaman, mencanting batik dan sebagainya. Contohnya bukan itu sahaja, banyak lagi. Jadi pelawat-pelawat boleh mengambil bahagian, apabila di buat demonstrasi, ditunjukkan cara mana manik itu di *add-addkan* [di tambah-tambahkan] untuk menjadi rantai dan sebagainya, mereka juga boleh membuatnya dan pada masa yang sama juga, kalau ada program-program pada hujung-hujung minggu dan sebagainya, persembahan-persembahan kebudayaan di buat di muzium, pelawat-pelawat yang datang boleh ambil bahagian. Ini juga boleh memberikan suasana *seronok* [menyeronokkan] kepada mereka yang datang dan berada di muzium. Tidak pergi melihat pameran sahaja kan?

WNA : Sambil mendapat pengetahuan, sambil bersantai.

DII : Bersantai, jadi dia duduk, kalau ada permainan-permainan tradisional, yang diletakan di kawasan muzium pada hujung-hujung minggu. Jadi pelawat yang

datang ini boleh main congkak. Sebagai permainan tradisional, macam mana cara buat [pembuatan] wau jadi dia tahu wau ini adalah salah satu permainan masa lapang masyarakat kita di Malaysia. Jadi ini adalah benda-benda yang seronok maknanya *diorang* [mereka] boleh ambil bahagian kalau tidak tamat permainan *diorang* [mereka] balik. Santai sahaja melawat pameran kalau rasa komponen interaksi dan sebagainya pun kita boleh sifatkan satu [1] juga sebab kita mahu elemen seronok itu ada. Kalau *nak* [hendak] bagi pengetahuan sahaja tapi tidak ada elemen unsur-unsur yang seronok kepada mereka, jadi mereka datang sekejap dan baliklah. Tapi kalau elemen yang *seronok* [menyeronokkan] ini ada, *diorang* [mereka] *duk* [duduk] lama dan *nak* [mahu] tahu lebih lagi jadi ini penting.

WNA : Selain dari muzium negara, adakah muzium lain memfokuskan tentang tekstil negara.

DII : Sebenarnya muzium negara ini bukan sahaja muzium tekstil. Muzium negara ini banyak benda yang dipamerkan. Sekarang ini fokus adalah lebih kepada sejarah. Sejarah yang di tunjukan di muzium negara tetapi kalau kita bercakap tentang tekstil kita ada muzium yang *specialize* [khas], kursus di bawah jabatan muzium malaysia, iaitu muzium tekstil negara. Namun begitu, di peringkat negeri pun ada muzium-muzium yang juga mempamerkan koleksi-koleksi *fossil* [fosil], contohnya, macam di kelantan dan sarawak juga mempunyai muzium tekstil.

Kalau pun tidak secara specific tetapi koleksi-koleksi tekstil itu juga di pameran di muzium-muzium berkaitan.

WNA : Apakah program yang menarik yang pernah dilakukan oleh muzium tekstil Negara?

DII : Muzium tekstil sebenarnya telah membuka peluang kepada pihak-pihak lain untuk turut sama terlibat melakukan pameran contohnya, dibuka peluang kepada pelajar daripada IPTA [Institusi Pengajian Tinggi Awam] mahupun jua IPTS [Institusi Pengajian Tinggi Swasta] untuk membuat koleksi. Pameran koleksi-koleksi yang dihasilkan oleh mereka sendiri jadi saya percaya dalam konteks remaja ataupun kalangan muda terutamanya pelajar-pelajar sendiri dia seronok *bila* [apabila] dapat melihat hasil ciptaan pelajar-pelajar kita sendiri. Disamping melihat koleksi-koleksi lama yang *ada* [terdapat] di muzium tapi *soal* [tentang] kontemporari ada juga disajikan di muzium dan disamping itu kita juga ada *bawa* [membawa] designer ataupun pereka fesyen untuk mempamerkan koleksi hasil mereka. Jadi kita tahu pereka fesyen ini juga mempunyai follower atau pengikut-pengikut yang ramai. Jadi tidak kiralah diperingkat antarabangsa ataupun diperingkat *local* [tempatan] dan sebagainya. Jadi ini juga sebagai nilai tambah orang *nak* [hendak] pergi tengok pameran di muzium dalam masa yang sama *dia* [mereka] boleh berinteraksi. Berinteraksi dengan kita punya designer ataupun pereka fesyen yang hebat yang bersama dengan muzium lah.

WNA : Adakah muzium tekstil Negara pernah melakukan aktiviti yang melibatkan pelajar UITM?

DII : Ada, memang ada sama ada pelajar-pelajar UITM daripada Shah Alam, UITM daripada Machang. Machang pun sebenarnya sudah banyak kali. Jadi itu yang bagi saya sangat baik. Jadi pelajar sebelum mereka *graduate* [graduasi] lagi mereka *ada* [pernah] datang muzium *and then* [dan selepas itu] buat aktiviti muzium, bukan sahaja dari uitm tetapi juga dari IPTS jugak iaitu Lim Kokwing dan sebagainya.

WNA : Adakah program tersebut bakal menaikkan semangat pelajar UITM dalam mendalami pemuziuman?

DII : Kalau spesifik untuk pelajar UITM sendiri, saya percaya ini sangat baik sebab bukan semua pelajar berpeluang untuk menampilkan koleksi-koleksi rekaan mereka untuk dipamerkan di muzium. Muzium adalah tempat yang berprestij jadi kalau mereka dapat *pamerkan* [mempamerkan] koleksi yang dihasilkan ini adalah testimoni kepada mereka, mereka pernah mempamerkan koleksi mereka di muzium tekstil Negara. Mestilah sebagai sesuatu *certification* [penghargaan] untuk pencapaian pelajar itu sendiri. Jadi ini juga boleh memberi inspirasi kepada rakan-rakan pelajar lain-lain ataupun *junior* [pelajar bawahan]. Kalau kawan mereka punya koleksi ataupun ciptaan boleh dipamerkan di muzium kenapa tidak mereka. “Saya pun *nak* [hendak] juga saya punya hasil lebih baik lagi dan dapat juga

dipamerkan dimuzium ini?”. Memang bagus boleh dikatakan sejarah, sebab saya punya hasil dipamerkan dimuzium. Dapat *ambil* [mengambil] gambar, kawan-kawan datang *tengok* [lihat] dan *lecturer* [pensyarah] *bagi* [memberi] pujian. Di universiti juga dapat [mendapat] nama, yang datang tengok tu [itu] bukan sahaja pelajar malahan, pelawat dari dalam dan juga luar Negara.

WNA : Apakah aktiviti yang melibatkan sukan Negara yang dilakukan di muzium?

DII : Kalau dalam Sukan Negara kita tidak terlalu banyak. Macam pernah dibuat di muzium juga pameran yang cepat mendapat sambutan yang sangat baik pernah dibuat juga, masa kita berjaya memenangi AFF Suzuki. Jadi setelah kita berjaya *je* [sahaja] kita terus buat pameran itu. Memang sambutan yang sangat baik, kita pameran pula piala kemenangan itu di muzium. Orang ramai berpeluang melihat piala itu *and then* [dan selepas itu] kita bawa pula pemain piala bola datang bersama dengan pengurusan FFM itu sendiri iaitu jurulatih.

WNA : Siapakah pemain bola yang terlibat dalam pameran tersebut?

DII : Boleh *kata* [dikatakan] semua yang bermain dalam AFF Suzuki. Semua kita pameran gambar mereka dan ada masanya kita bawa mereka datang.

WNA : Siapakah icon muzium Negara Malaysia?

DII : Kita tidak ada ikon-ikon spesifik.

WNA : Ana Rafali ke?

DII : Itu kita *taklah* [tidaklah] ada ikon spesifik.

WNA : Adakah muzium dapat dijadikan tempat berinteraksi?

DII : Ya, sudah tentu apabila pelawat-pelawat datang ke muzium suasanaanya santai. Jadi sudah tentu ianya boleh menjadi satu tempat berinteraksi. Bukan sahaja *sesama* [bersama] kawan-kawan tetapi *sesama* [bersama] keluarga. Apabila mereka bersantai dengan ahli keluarga mereka dapat *bermain* [menyertai] program bersama. Mereka dapat *ambil* [mengambil] bahagian dalam aktiviti yang dibuat. Jadi tentunya mereka berinteraksi, kalau tidak mungkin di rumah *takda* [tiada] interaksi malahan masing-masing masuk *duk* [duduk] dalam bilik dan bermain *game* [permainan]. Ini bukanlah tanggungjawab muzium sahaja.

WNA : Banyak pihak?

DII : Macam kita katakan disekolah guru-guru pun *kena* [perlu] beri sokongan dalam

Sistem Pendidikan Negara. Kita perlu ada penerapan bahawa melawat muzium ini mesti digalakkan walaupun kita *tak* [tidak] diwajibkan tetapi perlu digalakkan. Ini dalam sistem pendidikan begitu juga persatuan NGO persatuan penyiaran, persatuan kebudayaan dan lain-lain lagi. Dalam konteks ibubapa, ibubapa mestilah melihat muzium ini satu tempat yang sangat penting dalam konteks *nak* [hendak] membudayakan *apa hal* [perkara-perkara] yang bersabit [berkaitan] dengan jati diri yang perlu dihargai. Mahu *tak* [tidak] mahu sudah tentulah mengetengahkan hal-hal yang boleh membawa kita kepada sayang dan cinta pada Negara dan kepada identiti kita. Jadi ini mestilah digalakkan juga oleh ibubapa jugak disamping guru-guru.

WNA : Siapakah antara kerabat diraja yang sering mengunjungi muzium?

DII : Kerabat diraja memang ramai. Tidaklah kita *nak* [hendak] bagi spesifik nombor. Orang kata *tak* [tidak] *molek* [baik] kan. Jadi ramai yang datang, kadang-kadang mereka datang kita *tak* [tidak] tahu bukan semua datang dengan *protokol* [mengikut peraturan] ada yang datang sambil-sambil *tak* [tidak] diundang.

WNA : Apakah perubahan yang paling ketara yang dilakukan pada tahun ini?

DII : Perubahan pada tahun ini saya ingat dari segi pameran, sudah tentu kita membawa juga pameran keluar Negara. Dimuzium macam tahun ini kita ada pameran

tourism from the summer place. Pameran dibawa khas dari luar Negara jadi jikalau sebelum ini koleksi-koleksi summer place, *tak* [tidak] dibenarkan dibawa keluar dan dipamerkan dimuzium Negara sempena sambutan *empat puluh* [40] tahun hubungan diplomatik Negara kita dengan China. Jadi ini dalam konteks permuziuman juga sangat penting kita diberi tempat dan peluang untuk koleksi yang berprestij yang dipamerkan ditempat itu. Ini menjadi kebanggaan kepada kita juga, kalau kita tahu menghargai dan menilai memang kita *tak* [tidak] memberi penilaian yang sebegitu.

WNA : Adakah pihak muzium melakukan aktiviti sempena perayaan sesuatu kaum?

DII : Haaa, [iya] ada. Kita memang ada daripada masa kemasa. Masyarakat kita pun memang pelbagai perayaan kita sambut secara meraikan ataupun kalau kita *tak* [tidak] kata meraikan pun kita turut sama memeriahkan. Jadi tidak kiralah melibatkan masyarakat melayu, sambutan Hari Raya Puasa, hari Raya Haji, sambutan Tahun Baru Cina dan Deepavali. Kemudian kita ada pesta Keaamatan, Gawai, Dayak dan sebagainya yang berkaitan dengan orang asli serta Hari Moyang Dasmey. Jadi benda-benda ini sama ada kita buat melalui pameran-pameran khas ataupun ada aktiviti-aktiviti tertentu, *ada* [terdapat] tempoh-tempoh tertentu yang kita *buat* [lakukan] untuk orang lebih memahami lagi sambutan tersebut. Contohnya, sambutan Hari Raya kita sendiri berkaitan signifikannya, jadi memang di buat sama ada dimuzium Negara ataupun dimuzium-muzium lain.

WNA : Bagaimana penglibatan masyarakat dalam program tersebut?

DII : Itu bergantung kepada *apa* [perkara] yang kita *buat* [lakukan] kalau kita *buat* [lakukan] itu pameran. Jadi tempohnya panjang, jadi masyarakat akan tengok *masa-masa* [waktu] yang sesuai *dia* [mereka] akan datang, tetapi itu tidak ada masalah untuk mereka ambil bahagian. Semasa kita buat demonstrasi masakan, kuih-kuih tradisional dan sebagainya. Kalau mereka di beri peluang mereka akan ambil peluang untuk datang buat [lakukan], sebab bukan mudah *nak* [mahu] dapatkan peluang untuk buat demo masakan yang mereka buat selama ini, ditempat mereka. Tiba-tiba kita bagi peluang buat di muzium. Sedangkan selebriti-selebriti banyak juga *nak* [mahu] menggunakan muzium-muzium, untuk buat *dia* [mereka] punya event-event [aktiviti-aktiviti] sebab tempat *ni* [ini] tempat yang prestij.

WNA : Apakah pameran tradisional yang pernah diadakan oleh muzium negara? Antara permainannya.

DII : Sebut pameran memang ada pameran tradisional dibuat *ni* [ini] meliputi pelbagai, bukan satu jenis permainan. Jadi tentang demonstrasi, *macam mana* [bagaimana] permainan itu dimainkan, itu bergantung kepada berapa banyak jurulatih-jurulatih ataupun mereka-mereka yang membuat persembahan ini. Membuat persembahan

ataupun pertunjukkan supaya orang yang tengok yang *tak tahu* [tidak tahu] main ini akan tahu main *ikut* [mengikuti] step [langkah-langkah] dan kaedah-kaedah yang ditunjukkan.

Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah

WNA : Dalam sumbangan dan pencapaian Dato, apakah kejayaan yang paling besar yang Dato' pernah terima di muzium?

DII : Kalau kejayaan dalam konteks bagaimana?

WNA : Semasa menjadi Ketua Pengarah.

DII : Kejayaan ini memang banyak. Banyak cabang yang boleh dikatakan satunya dalam konteks kita dapat peluang mengadakan pameran diluar negara, ditempat-tempat berprestij. Saya boleh bagi nanti secara spesifik tempat-tempat yang selama ini kita tak [tidak] jangka. Kita juga boleh menghantar koleksi kita untuk dipamerkan .Tetapi pihak muzium yang berkenaan yang terkemuka di dunia terima koleksi kita untuk dipamerkan dan nama kita memang terpampang, Malaysia terpampang dipersada dunia. Orang dapat tengok koleksi yang dibawa daripada Malaysia. Jadi ini juga adalah kejayaan, ini bukanlah kejayaan peribadi saya tetapi ini kejayaan kepada Jabatan Muzium. Begitulah juga dengan pencapaian kita sebagai contoh, muzium seni kita dapat diiktirafkan sebagai *Green Apple Award 1 Uripion Award* yang kita dapat jadikan juga pencapaian kepada Jabatan Muzium *tu* [itu] sendiri,

yang mana kami sebagai warga muzium berbangga dan banyak lagi kalau *nak* [hendak] nyatakan memang banyak kejayaan yang boleh kita banggakan *and then* [dan juga] kalau dalam konteks saya sendiri. Dalam masa saya menjadi Ketua Pengarah kita *ada* [mempunyai] sebuah muzium di Jelevu Negeri Sembilan. Muzium adat diwujudkan, itu satu [1] pencapaian dengan kaedah-kaedah kekeluargaan yang dapat kita masukkan. Begitulah juga, kita ada muzium tekstil. Muzium tekstil juga satu yang boleh ditanda aras oleh pihak-pihak lain. Kita boleh berbangga sebab tokoh-tokoh permuziuman dari luar negara datang, mereka memberi pujian bukan kita sahaja yang nyatakan bagus. Kalau kita yang menyatakan bagus mungkin orang kata “masuk bakul angkat sendiri”. Tapi ini kita mendapat pengiktirafan daripada pihak luar negara sendiri jadi ini boleh juga disifatkan sebagai kejayaan. Orang *tak* [tidak] sembarangan *nak* [mahu] menyatakan ini *standart* [peringkat] tertinggi sebab ini muzium professional. Macam saya sendiri *pun* [juga] rasa bangga dalam salah satu program yang besar di Seoul. Saya dijemput untuk memberi ucap utama dalam Persatuan Muzium Korea ataupun Korean muzium Assocation. Jadi ini *tak* [tidak] pernah dibuat oleh *diorang* [mereka], iaitu menjemput pihak luar berucap memberi *key not address* dalam muzium mereka dan *Association* [persatuan] punya *conference* [persidangan] jadi saya sendiri pun rasa ini salah 1 [satu] yang boleh kita banggakan Korea bukan calang-calang. Mereka *bagi* [memberi] peluang kepada kita untuk membuat begitu, jadi pada saya syukur Alhamdulillah kita boleh turut berbangga.

WNA : Adakah pameran yang dilakukan dimuzium tersebut penting bagi menarik minat masyarakat untuk mengunjungi muzium?

DII : Di muzium-muzium di Malaysia, pameran memang penting dalam tema sekali pun. Jikalau kita *nak* [hendak] bagi kefahaman tentang budaya sudah tentulah kita tunjuk cara ataupun aspek budaya yang berkenaan, supaya orang t bukan sahaja tahu tetapi, dapat lebih faham dan kemudian kalau perkara itu perlu dihayati mereka boleh menghayati dan menghargai gerak kerja yang kita buat itu. Kita akan lebih berasa bangga lagi dengan hal-hal yang bersabit dengan budaya.

WNA : Berkaitan dengan tema pameran adakah tema pameran itu memberi, memainkan peranan yang penting bagi menjayakan sesuatu pameran?

DII : Tema itu bergantung kepada apa yang kita *nak* [hendak] ketengahkan. Jadi ini dalam banyak *hal* [perkara], maknanya menjadikan tema itu *satu* [1] tarikan, *satu* [1] perkara lagi, benda yang kita *nak* [hendak] sampaikan ilmu dan ketengahkan ini juga sangat penting , jadi tema-tema ini juga hendaklah sesuai dengan keadaan semasa kalau *tak* [tidak] nanti *tak ada* [tiada] tarikan kepada orang nanti, ia akan menjadi sia-sia. Banyak belanja yang kita kena keluarkan semasa membuat pameran.

Bahagian 5: Aktiviti di Muzium

WNA : Bagaimanakah kerjasama pihak lain dalam memberi kesan pameran yang dilakukan oleh muzium?

DII : Kerjasama memang sangat penting, *ada* [terdapat] pameran yang kita buat secara bersama, kalau kita *kata* [bercakap] tentang kerjasama dengan pihak IPTA dan IPTS contohnya, kepakaran daripada mereka memang penting dalam konteks itu. Bukan sahaja dalam soal kepakaran dan emberi input-input semata-mata tetapi kerjasama pihak tertentu juga. Koleksi-koleksi artifak tertentu yang kita perlu pinjam daripada mereka penting. Kalau mereka *tak* [tidak] memberi kerjasama *tak* [tidak] atau tidak bagi pinjamkan mungkin---. Pada mereka juga sangat baik jadi memang kita akui ini sangat penting.

WNA : Bagaimana pula penglibatan pihak muzium dalam mengadakan pameran diluar negara?

DII : Tengok juga dimana yang kita *nak* [mahu] buat *and then* [dan juga] dengan pihak mana yang kita *nak* [hendak] berkerjasama. Jadi bukanlah kita buat dengan tidak terancang, jadi perkara ini perlu dirancang sebab kita *nak* [hendak] bawa artifak ini ke luar negara. *Pertama* [1] sekali adalah soal keselamatan, ini sangat penting sebab kita *nak* [hendak] bawa khazanah kita ke keluar negara. Jadi *apa* [perkara] ini sangat baik dan tempat yang strategik boleh menaikkan nama negara dipersada dunia.

WNA : Dimanakah negara yang Dato' kunjungi bagi menaikkan sejarah negara? Seperti China?

DII : Saya kunjungi banyak tempat. Di Amerika sendiri banyak muzium-muzium yang saya pergi kesana, untuk berbincang dan cuba mengadakan kolaborasi atau bekerjasama dengan mereka. Memberi kepakaran dalam konteks pembangunan sumber manusia. Memberi input-input kepada warga muzium. Kita eksekutif mereka dari segi pelbagai bidang. Di Amerika, kemudian di Australia, New Zealand, China, Korea, Turki, Mesir dan sangat banyak lagi. Begitu juga dalam rantau kita di Asean [asia] ini juga dengan Indonesia dan Thailand.

WNA : Adakah penglibatan negara luar itu menyebabkan pembelanjaan yang besar atau bergantung kepada aktiviti-aktiviti?

DII : Itu bergantung. Jadi ini bergantung kepada *benda* [perkara] yang dilakukan. Program aktiviti pameran dan sebagainya. Jadi *benda* [perkara] ini tak [tidak] ditaja oleh pihak yang menjemput kita untuk buat [melakukannya]. Jadi bergantung pada keadaan, ada yang kita tanggung sendiri. Jikalau kita tanggung sendiri, ini sudah tentu dari segi kos pengangkutan, kos insurannya, pengurusan keselamatannya dan banyak perkara yang berkait dengan aktiviti melibatkan kos.

Bahagian 6: Pendapat dan pandangan

WNA : Berkaitan pendapat dan pandangan Dato'. Bagaimana Dato' melihat penghayatan ini?

DII : Ini *satu* [1] perkara yang bukan mudah kita nak [hendak] ukur, ini yang ada dalam diri orang [seseorang] jadi kita *tak* [tidak] tahu kecuali kita buat kajian yang *imperikal* [menyeluruh]. Kita boleh mendapatkan maklumat daripada *diorang* [mereka]. Tapi, setakat pemerhatian kita *tak* [tidak] boleh *buat* [membuat] *satu* [1] rumusan bahawa orang *tak* [tidak] sangat memandang berat tentang sejarah. Saya tidak berani berkata begitu. Kalau saya *kata* [berkata] dipandang berat itupun dalam konteks *macam mana* [bagaimana]. Jadi ini perlu *satu* [1] kajian yang teliti, sebab kita *nak* [hendak] cakap tentang ini, mesti *ada* [mempunyai] bukti yang nyata. Kalau tidak ada asas yang kuat untuk berkata sedemikian---. Tapi, apa pun saya percaya dengan adanya sistem pendidikan yang dibuat secara terancang macam kita sama-sama tahu baru-baru ini, kerajaan telah menetapkan subjek sejarah diarahkan sebagai subjek wajib disekolah. Ini satu pendekatan yang sangat baik sebab kita bercakap tentang masyarakat. Kita kena “melentur buluh ini biar dari waktu rebung”. Jadi kita *kena* [perlu] bagi didikan daripada awal lagi. Kalau kita *nak* [mahu] mereka sayang kepada sejarah, warisan dan budaya kita, daripada kecil kita *kena* [perlu] latih. Jadi kalau sistem persekolahan pendidikan kita menetapkan sejarah ini adalah satu subjek teras mesti diambil. Bukan subjek elektif ataupun *option* [pilihan]. Jadi baru boleh berkembang, kalau tidak nanti akan hanya menjadi *satu* [1] *benda* [perkara] sampingan sahaja. Jadi itu penting,

supaya boleh dibudayakan oleh masyarakat kita, *satu* [1] ketika nanti iaitu kearah masyarakat yang sensitif dan prihatin tentang sejarah kita. Itu kita boleh jadikan budaya dengan syarat sistem pendidikan kita mesti sedemikian, mengambil kira bahawa sejarah ini sangat penting. Bukan sejarah ini satu sejarah sampingan *aja* [sahaja].

WNA : Apakah harapan Dato' kepada masyarakat terhadap muzium di Malaysia?

Harapan Dato' kepada masyarakat untuk lebih mengunjungi ke Muzium?

DII : Masyarakat perlu bersama dengan muzium. Saya percaya pihak muzium dapat mendekatkan masyarakat bersama institusi muzium. Masyarakat lebih mengetahui dan memahami peranan muzium. Kira ini tidak ada masalah, begitulah juga dalam konteks sistem pendidikan itu sendiri. Guru-guru perlu sentiasa memberi dorongan kepada pelajar-pelajar untuk pergi ke muzium walaupun ibubapa *tak* [tidak] suruh. Pelajar-pelajar balik ke rumah mereka kata [memberitahu] *nak* [hendak] pergi ke muzium ibubapa tidak akan melarang *diorang* [mereka] *nak* [mahu] pergi. Jadi pada masa yang sama juga, ibubapa mesti berperanan untuk menggalakkan anak-anak pergi ke muzium. Mereka juga tahu menghargai betapa pentingnya peranan muzium ini. Kalau itu berlaku saya percaya keadaan menjadi lebih baik lagi.

WNA : Setakat itu sahaja soalan dari kami.

DII : Sekian sahaja.

WNA : Sekian sahaja.

RUJUKAN

Dato ' Ibrahim bin Ismail,(2015). Mengangkat kedudukan batik sarung di peringkat kebangsaan dan global. Retrieved April 14, 2015 from

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kembalikan-kedudukan-kegemilangan-batik-sarung-1.40258>

Muzium Negara,(2015).Jawatan Dato ' Ibrahim bin Ismail . Retrieved April 14, 2015 from http://www.muziumnegara.gov.my/main/?c=direktori_staf_42&parent=hubungi_kami_6

Museums Malaysia websites,(2015).History of Dato ' Ibrahim bin Ismail . Retrieved April 14, 2015 from <http://www.jmm.gov.my/ms/sejarah-ketua-pengarah-jabatan-muzium-malaysia>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Rakaman ini berkisah tentang wawancara sejarah lisan bersama Dato ' Ibrahim Bin Ismail berkaitan penglibatan beliau dari awal tahun 1 Mac 2008 hingga 12 April 2015. Beliau telah memegang jawatan tertinggi Institusi Muzium Negara iaitu Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Wawancara ini dijalankan di kafe Starbuck, Midvalley Megamall, Bangsar Kuala Lumpur iaitu pada jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Kami telah memilih Dato ' Ibrahim Bin Ismail berdasarkan kisah hidup dan sumbangan yang telah banyak berjasa kepada Negara Malaysia

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.00	Kaset 1: Bahagian A Pengenalan diri serta permulaan temubual.	Starbuck, Midvalley Bangsar Kuala Lumpur.
0.26	Latar belakang/ biodata Umur tokoh Tarikh lahir tokoh Tempat lahir	Dato' Ibrahim Bin Ismail 60 tahun 12 april 1955 Kulim kedah
5.55	Jawatan bersama jabatan muzium Malaysia	Menjawat jawatan Ketua Pengarah tetapi adalah kuarator gelaran jawatan adalah Ketua Pengarah

0.00	Kaset 1: Bahagian B Peringkat pengajian	Mengikuti Pengajian ijazah mengikuti pengajian sepenuh masa di Universiti Sains Malaysia [USM]
15.36	Dapatkan permit pelajar untuk buat ujian Tempat yang ada Khazanah	Mereka yang ada kepakaran dalam bidang arkeologi Kelantan terdapat contohnya, Masjid Kampung Laut sebagai bangunan lama perlu pelihara, periksa, perlu pergi tengok keadaan bangunan itu
BAHAGIAN 2: KERJAYA		
0.00	Kaset 2 : Bahagian A Pekerjaan yang Dato' ceburi satu minat ataupun sebab lain Bidang belajar semasa ijazah	Kelayakkan akademik yang kita ada belajar subjek, major geografi, subjek minor sosialogi antropologi
4.38	Mengisi masa lapang Hobi	Membaca buku Bidang ni pelbagai, dalam Bidang kepimpinan motivational,perubatan

		tradisi dan kebudayaan.
10.40	Bilangan anak-anak Dato' Umur anak-anak	Anak saya 5 ,Seorang perempuan dan 4 orang lelaki, yang sulung perempuan. Anak-anak saya 2 orang dah berumah tangga dah 30 tahun lebih.
15.22	Mendapat gelaran Dato'	2011 Sri Indera Mahkota (SIMP) 2009 Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) 2003 Ahli Mahkota Kedah (AMK)
0.00	Bahagian 2: Bahagian B Bilangan muzium di Malaysia Cabaran besar pernah alami	200 buah muzium di bawah jabatan muzium Malaysia sendiri dah ada 22 buah muzium itu di bawah Jabatan muzium Malaysia. Pelawat-pelawat datang ke muzium.
5.38	Pengalaman sukar lupakan Usaha menarik pelancong Penghayatan sejarah dalam kalangan pelajar	Transformasi minda kita. Kita kena selalu fikirkan macam mana kita nak buat Mereka melawat ke muzium.

10.30	Tindakan muzium Negara terhadap istana lama. Aktiviti yang diguna di istana lama.	Memberi ceramah
13.30	Aktiviti memartabatkan Bahasa melayu Aktiviti oleh muzium pada muzium antarabangsa. Tindakan muzium Negara terhadap istana lama.	Mengadakan aktiviti kepada masyarakat.
38.40	Pihak lain memberi kerjasama terhadap muzium. Harapan terhadap muzium Malaysia.	Bergabung dengan pihak lain.

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00pg - 12.00pg	10 Mac 2015	Taklimat ringkas mengenai tokoh yang di pilih. Menepati dengan kriteria-kriteria yang telah di tetapkan oleh pensyarah Madam Nurulannisa bt Abdullah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan.
10.00pg-12.00pg	11 Mac 2015	Melihat contoh soalan yang dilakukan oleh senior yang telah mengambil subjek oral history ini	Catatan untuk membuat soalan untuk tokoh yang berkenaan.
10.00pg-12.00pg	8 April 2015	Perbincangan antara saya dengan Madam Nurulannisa bersama rakan kumpulan, Ahmad Radhiy bin Hassan untuk memilih tokoh yang sesuai dengan subjek IMR603 Documenting Oral Tradition	Pengesahan tokoh temubual.
9.00pg-3.00ptg	18 April 2015	Mula berbincang dengan tokoh untuk menentukan tarikh dan tempat dan juga masa menemubual.	Tokoh setuju untuk menemubual.
10.00pg-12.00pg	29 april 2015	Hantar contoh soalan kepada pensyarah sebelum menemubual tokoh.	Soalan yang ingin di tanya.
10.00mlm-5.00pg	1 Mei 2015	Bertolak ke Kuala Lumpur untuk menyiapkan oral sejarah lisan bersama rakan.	Menaiki bas di Machang.
11.30pg-2.30ptg	4 Mei 2014	Tarikh temubual tersebut adalah pada 4 Mei 2015 bermula pada jam 11.30	Bertempat di Midvalley, Bangsar Kuala Lumpur.

		<p>pagi hingga 2.30 petang. Dato' Ibrahim bin Ismail adalah bekas Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.</p>	
--	--	--	--

SENARAI SOALAN

Kami telah ditugaskan untuk menebual tokoh bagi menyiapkan kerja khursus yang telah ditugaskan kepada kami. Kami telah memilih Dato ' Ibrahim Bin Ismail berdasarkan kisah hidup dan sumbangan yang telah banyak berjasa kepada Negara Malaysia. Penglibatan Dato sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah memberi impak yang baru bagi menaikkan imej institusi muzium di Malaysia.

Latar belakang peribadi

Kaset 1: Bahagian A

1. Apakah nama sebenar Dato?
2. Berapakah umur Dato?
3. Bilakah tarikh lahir Dato?
4. Dimanakah tempat Dato dilahirkan?
5. Dimanakah tempat Dato dibesarkan?
6. Apakah jawatan Dato bersama muzium Negara?
7. Bilakah tarikh Dato melibatkan diri dengan muzium Negara?
8. Berapa tahun Dato telah melibatkan diri bersama muzium Negara?
9. Apakah perasaan Dato apabila ingin melepaskan jawatan?
10. Apakah hobi Dato bagi mengisi masa lapang?
11. Apakah sukan atau permainan bagi mengisi masa lapang Dato?
12. Apakah prinsip hidup Dato?
13. Siapakah yang memberi dorongan diatas kejayaan Dato?
14. Apakah nama Isteri Dato?
15. Apakah nama anak-anak Dato?
16. Berapakah umur anak-anak Dato?
17. Bagaimanakah Dato mengisi masa lapang bersama keluarga?
18. Apakah aktiviti terbaru yang dilakukan bersama keluarga?

19. Bilakah Dato mendapat gelaran Dato?
20. Siapakah yang mengurniakan gelaran Dato tersebut?

Kaset 1: Bahagian B

Latar belakang pendidikan

21. Dimanakah Dato bersekolah?
22. Dimanakah Dato menyambung pelajaran di peringkat Ijazah?
23. Apakah kos yang diambil oleh Dato ?
24. Apakah kos yang diambil ini adalah kos pilihan Dato?
25. Bagaimanakah Dato dapat melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah?
26. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Dato sebelum melanjutkan pelajaran?
27. Adakah cabaran tersebut mematahkan semangat Dato?
28. Bagaimanakah Dato dapat menjadikan cabaran tersebut sebagai pembangkit semangat untuk lebih bersemangat untuk berjaya?

Pengalaman pekerjaan

29. Apakah pekerjaan pertama Dato?
30. Dimanakah Dato bekerja?
31. Apakah jawatan yang pernah dipegang oleh Dato?
32. Boleh ceritakan sedikit pengalaman sebelum bergelar Ketua Pengarah di Jabatan Muzium Malaysia?
33. Bagaimana Dato' berhadapan dengan pertukaran yang berlangsung dalam tempoh begitu singkat?
34. Apakah antara cabaran yang ditempuh sepanjang berkhidmat di Muzium Perak?
35. Adakah pekerjaan yang diperolehi merupakan bidang yang diminati oleh Dato?

Kaset 2: Bahagian A

Bidang yang diceburi

36. Berapa lamakah Muzium Negara sudah beroperasi?
37. Bagaimanakah Pembinaan muzium ini sebenarnya dicetuskan?
38. Apakah antara fungsi muzium Negara ?
39. Berapakah bilangan muzium di Malaysia?
40. Bagaimanakah cara untuk melihat perkembangan muzium Negara secara atas talian ?
41. Adakah soalan-soalan dapat terus diajukan melalui laman tersebut?
42. Adakah laman tersebut dapat mendekatkan diri masyarakat mengenai aktiviti yang dilakukan oleh muzium Negara?
43. Apakah cabaran yang paling besar pernah Dato hadapi?
44. Bagaimanakah perasaan Dato semasa menghadapi cabaran tersebut?
45. Apakah pengalaman yang sukar untuk Dato lupakan sepanjang berkhidmat dengan muzium?

Kaset 2: Bahagian B

Penglibatan dalam kerjaya

46. Adakah usaha yang dilakukan ini akan menarik pelancong asing untuk berkunjung ke negara ini?
47. Adakah pelancong asing yang bertambah akan memajukan dan menaikkan nama negara?
48. Ada segelintir berkata muzium sepi dan kurang sambutan. Apa komen Dato'?
49. Bagaimana Dato' melihat penghayatan sejarah dalam kalangan pelajar?
50. Apakah cara sesuai untuk menjadikan sejarah menarik?
51. Pada pendapat Dato', apakah cara terbaik untuk mendekatkan diri masyarakat, generasi muda utamanya, untuk datang ke muzium Negara?

52. Apakah antara program istimewa dilakukan oleh pihak muzium untuk menarik pengunjung datang ke sini?
53. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Muzium Sempena Hari Muzium Antarabangsa?
54. Adakah hari tersebut dapat dikunjungi oleh semua masyarakat?
55. Apakah tindakan muzium negara terhadap Istana Negara Lama?
56. Mengapakah Istana Negara Lama Dijadikan Muzium Diraja?
57. Adakah aktiviti boleh dilakukan di Istana Negara Lama?
58. Apakah aktiviti yang melibatkan memartabatkan Bahasa Melayu ?
59. Apakah pameran yang melibatkan makanan?
60. Adakah Majlis Perkahwinan Kini Boleh Diadakan di Muzium?
61. Apakah pameran yang melibatkan penglibatan aktiviti kanak-kanak?
62. Apakah aktiviti Cuti Sekolah Akhir Tahun di Muzium Negara?
63. Apakah kebaikan yang diperolehi dari aktiviti Cuti Sekolah Akhir Tahun di Muzium Negara?
64. Siapakah diantara tokoh yang sasterawan Negara yang terlibat dalam muzium Negara?
65. Apakah yang dilakukan demi Mengenang Perjuangan Bahasa Za'ba?
66. Bagaimanakah Muzium menjadi Pusat Mengupas Sejarah Tanah Air?
67. Apakah aktiviti yang dapat meningkatkan Promosi Muzium Negara?
68. Apakah aktiviti santai di Muzium Negara?
69. Selain muzium Negara, muzium apakah yang memfokuskan tentang tekstil Negara?
70. Apakah program yang menarik yang dilakukan oleh Muzium Tekstil Negara?
71. Adakah muzium tekstil Negara sering mengadakan aktiviti yang melibatkan pelajar UITM?
72. Adakah program tersebut bakal menaikkan semangat pelajar UITM dalam mendalami ilmu tekstil?
73. Apakah aktiviti yang melibatkan sukan Negara?
74. Apakah fungsi pameran yang melibatkan sukan Negara?

75. Siapakah pemain yang terlibat dalam pameran tersebut?
76. Adakah pameran sukan telah menarik minat penggemar sukan untuk mengunjungi muzium Negara?
77. Siapakah ikon Jabatan Muzium Negara?
78. Bagaimanakah pemilihan ikon dilakukan?
79. Adakah Muzium dapat dijadikan Tempat Berinteraksi?
80. Bilakah Pameran Koleksi Tekstil Pelbagai Kaum di Muzium Tekstil Negara dilakukan?
81. Siapakah yang bertanggung jawab memastikan setiap generasi berminat mengunjungi muzium Negara?
82. Siapakah kerabat diraja yang sering mengunjungi muzium Negara?
83. Apakah perubahan yang paling ketara yang dilakukan oleh muzium Negara pada tahun ini?
84. Adakah pihak muzium mengadakan program yang melibat orang asli?
85. Adakah pihak muzium melakukan aktiviti sempena perayaan sesuatu kaum?
86. Bagaimanakah penglibatan masyarakat dalam program tersebut?
87. Adakah Pameran Permainan Tradisional diladakan oleh muzium Negara?
88. Apakah permainan tradisional yang terlibat di muzium Negara?

Pencapaian dan sumbangan

89. Apakah kejayaan paling besar pernah Dato terima sepanjang menjadi Ketua Pengarah?
90. Adakah kejayaan itu menjadi kenangan yang paling berharga bagi Dato?
91. Apakah yang dilakukan pihak Dato' untuk mendekatkan masyarakat dengan muzium?
92. Adakah pameran yang dilakukan penting bagi menarik minat masyarakat untuk mengunjungi muzium?
93. Adakah Dato' sendiri yang menentukan tema pameran?
94. Adakah tema memainkan peranan penting bagi menjayakan sesuatu pameran?
95. Dalam mengadakan pameran khas, sejauh manakah usaha sama dengan pihak lain dibuat?

96. Bagaimanakah kerjasama pihak lain memberi kesan dalam pameran yang dilakukan oleh muzium?
97. Bagaimana pula penglibatan pihak muzium dalam mengadakan pameran di luar negara?
98. Apakah Negara yang terlibat dalam pameran tersebut?
99. Dimanakah Negara yang telah Dato kunjungi bagi menaikkan sejarah Negara ?
100. Adakah penglibatan negara luar bakal membawa sejarah negara diperingkat antarabangsa?
101. Bagaimanakah mendapatkan kerjasama dari negara luar?
102. Adakah melibatkan pembelanjaan yang besar?

Pendapat dan pandangan

103. Bagaimana Dato' melihat penghayatan sejarah dalam kalangan pelajar?
104. Apakah cara sesuai untuk menjadikan sejarah menarik?
105. Apakah Harapan Dato kepada masyarakat tentang muzium negara?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Dr. Mohd Nasir Ismail,
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM (Kelantan)

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)**
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Tarikh : 05 April 2015

Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	AHMAD RADHIY BIN HASSAN	2013906771
2	WAN NURAINA BT WAN MAHMOOD	2012198227

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)**, bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudara **AHMAD RADHIY BIN HASSAN** di talian **0145417686**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

IMRAN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

**KULTI PENGURUSAN
MAKLUMAT**

Tarikh : 18 April 2015

Dato' Ibrahim bin Ismail.

Muzium Negara
Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara ,
50566, Kuala Lumpur.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MENEMUBUAL PENGARAH JABATAN MUZIUM NEGARA
MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya Ahmad Radhiy Bin Hassan, pelajar UiTM Machang, Cawangan Kelantan ingin memohon kebenaran untuk bekerjasama bagi menemubual Dato' Ibrahim bin Ismail.

3. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif utama temubual ini adalah untuk memohon pihak tuan/puan memberi pendedahan kepada kami tentang serba sedikit kerjayaan yang telah dicapai oleh Dato' Ibrahim bin Ismail. Bagi menyiapkan tugas subjek kami iaitu subjek Oral Documentation. Kami berharap pihak tuan/puan dapat memberikan ruang untuk kami melaksanakan tugas ini. Butiran lawatan akan dibincangkan setelah mendapat maklum balas dari pihak tuan.

4. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi saya di nombor 0145417686. Semoga permohonan ini mendapat perhatian dan kelulusan daripada pihak tuan/puan. Beserta surat ini, kami lampirkan surat pengesahan pelajar dan panduan tugas kami untuk rujukan pihak tuan/puan. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Radhiy

AHMAD RADHIY BIN HASSAN
Pelajar Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat,
Universiti Teknologi MARA Machang,
Kelantan.

s.k Fail S/U

Hj Ghazali Osman
Ketua Pusat Pengajian
M, FSPPP & FUU
Koodinator Kursus IM225
Tel: 09-9762394.

Hjh Noor Rahmawati Alias
Koodinator Kursus IM110
Tel: 09-9762278

Nor Kamariah Chik
Koor. Koordinator Kursus IM225
Tel: 09-9752324.

Noor Azreen Alimin
Koor. Kursus IM110
Tel: 09-9762511

Izzatil Husna Arshad
Ketiausaha Fakulti
(M225/245)
Tel: 09-9762503

Nurhidayah Nasharudin
Ketiausaha Fakulti (IM110)
Tel: 09-9762491

Nurulnissa Abdullah
Ketiausaha Fakulti (IM110)
Tel: 09-9762491

Salliza Md Radzi
JK OBE Fakulti (IM225)
Tel: 09-9762477

Mohd Akmal Faiz Osman
JK OBE Fakulti (IM110)
Tel: 09-9762484

GAMBAR

Lampiran 1: Gambar peribadi



Gambar 1: keluarga Dato' Ibrahim bin Ismail



Gambar 2: passport Dato' Ibrahim bin Ismail



Gambar 3: Hobi Dato' Ibrahim bin Ismail pada waktu lapang

Lampiran 2: Lawatan ke luar negara



Gambar 4: Lawatan penghargaan di Beijing



Gambar 5: kenangan di Beijing



Gambar 6: Bersama kakitangan Muzium Beijing

Lampiran 3: Penglibatan di muzium



Gambar 7: Dato' Ibrahim bin Ismail mengiringi Yang di-Pertuan Agong bersama Perdana Menteri



Gambar 8: Dato' Ibrahim bin Ismail semasa penerangan pengurus Aplikasi Perniagaan Bank Negara



Gambar 9: Dato' Ibrahim bin Ismail semasa Pameran perasmian Batik

Lampiran 4: Aktiviti-aktiviti di muzium



Gambar 10: Dato' Ibrahim bin Ismail semasa lawatan Muzium Putrajaya

Lampiran 5: Gambar kenangan



Gambar 11: Gambar kenangan bersama Dato' Ibrahim



Gambar 12: Gambar kenangan semasa memberi cenderahati

INDEKS

A

ANGGOTA 14

ANUGERAH 8,11,46,47

D

DIARI KAJIAN

G

GAMBAR 8, 57, 66, 78, 79, 80, 81

H

HOBI 10, 40, 42, 45,78

I

IJAZAH 27, 28, 29,30,38,44

K

KERJAYA 6, 8, 12, 34,40,42,53

KURATOR 12, 38, 39, 40

KETUA PENGARAH 1,2,4,6,10,12,20,24,30,32,
33, 34, 37,41,42,45,52,55,70

L

LATAR BELAKANG 8, 10, 20

LUAR NEGARA 36, 43, 44, 47, 48, 55, 66, 68,
70, 71, 73, 79

M

MUZIUM 1, 2, 4, 6, 10, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 20, 23,
24, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 37, 38, 40, 41, 42, 46, 47,
48, 49, 50, 51, 52, 53,54,55,56, 57,58, 59, 60, 61, 62,
63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76,
79, 80, 81, 82

N

NAIK PANGKAT 39

P

PENDIDIKAN 14,17,22,23,47,48,61,67,75,76

PENCAPAIAN 41, 43, 53, 65, 70, 71

PENGALAMAN 8, 30, 34

PEKERJAAN 37, 49

S

SUMBANGAN 20, 70

SEKOLAH 14, 22, 23, 25, 33, 55, 56, 67